



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN **TVET**

20
20



LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN **TVET**

Kementerian Pengajian Tinggi
Putrajaya
2021

© Kementerian Pengajian Tinggi, 2021

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah sedaya upaya memastikan maklumat yang terkandung dalam laporan ini betul. Namun Kementerian tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaannya. Kementerian juga berhak membuat perubahan kepada mana-mana maklumat dan huraian dalam laporan ini pada bila-bila masa. Oleh itu pengguna laporan ini hendaklah merujuk Kementerian sebelum bertindak atau menimbang untuk bertindak berasaskan maklumat dan huraian berkenaan. Kementerian tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kekhilafan, kebinasaan dan kerugian yang disebabkan oleh penggunaan maklumat atau huraian yang diperolehi daripada laporan ini.

Laporan ini disediakan oleh:
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar,
Kementerian Pengajian Tinggi,
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62200 Putrajaya.
Laman web: www.mohe.gov.my
Telefon: 03-8870 6000

ISSN 2811-387X



9 7 7 2 8 1 1 3 8 7 0 0 7

Prakata	IX
Inti Pati Hasil Kajian Pengesanan Graduan TVET 2020	X
BAB 1 PENGENALAN	1-12
1.1 Pengenalan kepada Kajian Pengesanan Graduan TVET	2
1.2 Metodologi Kajian	2
1.3 Struktur Soal Selidik Kajian Pengesanan Graduan TVET KPT 2020	2
1.4 Penyertaan ILKA dalam Kajian Pengesanan Graduan TVET KPT 2020	3
1.5 Susunan Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2020	3
1.6 Trend Keluaran Graduan TVET 2018-2020	3-8
1.7 Kebolehpasaran Graduan TVET 2018-2020	8
1.7.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Kategori ILKA	9
1.7.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian	10-11
1.7.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian	12
BAB 2 PROFIL GRADUAN TVET 2020	13-20
2.1 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	15
2.2 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina	16
2.3 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Peringkat Pengajian	16-17
2.4 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	18
2.5 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Bidang Pengajian	18-19
2.6 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Peringkat Pengajian	20
BAB 3 KEBOLEHPASARAN DAN STATUS PEKERJAAN GRADUAN TVET 2020	21-37
3.1 Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020	23
3.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020	24
3.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	24
3.2.2 Kadar Kebolehpasaran Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	25-26
3.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	27
3.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	27
3.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin	28

3.3	Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama	29
3.3.1	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama	29
3.3.2	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama Mengikut Bidang Pengajian	29–30
3.4	Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5	30
3.4.1	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/ Tahap 5 Mengikut Kategori ILKA	31
3.4.2	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/ Tahap 5 Mengikut Bidang Pengajian	31
3.5	Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4	32
3.5.1	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Kategori ILKA	32–33
3.5.2	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Bidang Pengajian	33–34
3.6	Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 – 3	35
3.6.1	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Kategori ILKA	36
3.6.2	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Bidang Pengajian	36–37

BAB 4	MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET 2020	38–49
--------------	---	--------------

4.1	Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	40
4.1.1	Taraf Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	41
4.2	Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	42
4.2.1	Taraf Jawatan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	43
4.3	Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	44
4.3.1	Sektor Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	45
4.4	Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020	46
4.4.1	Kumpulan Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	46
4.5	Pendapatan Bulanan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kategori ILKA	47–48
4.6	Sektor Ekonomi Keseluruhan Graduan TVET 2020	49

5.1	Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Kategori ILKA dan Jantina	52
5.2	Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)	53
5.3	Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan TVET 2020	53
5.4	Tumpuan Utama bagi Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian	54
5.5	Graduan TVET 2020 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama	54
5.6	Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan TVET 2020	55

6.1	Alasan Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan TVET 2020	58
6.2	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	59
6.3	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	59
6.4	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	60
6.5	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin	61
6.6	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	62
6.7	Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja	63
6.8	Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja	64
6.9	Alasan Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian bagi Graduan TVET 2020	65
6.10	Alasan Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian bagi Graduan TVET 2020	66–67
6.11	Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian	68

7.1	Graduan Usahawan TVET 2020	71–77
7.1.1	Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina	71
7.1.2	Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	72
7.1.3	Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	72
7.1.4	Sepuluh (10) Jenis Perniagaan Utama yang Diceburi Graduan Usahawan TVET 2020	73
7.1.5	Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan TVET 2020	74
7.1.6	Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020	75
7.1.6.1	Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Jenis Perniagaan	75–76
7.1.6.2	Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi	77

7.2	Graduan OKU TVET 2020	78–88
7.2.1	Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina	80
7.2.2	Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian	81
7.2.3	Jenis Kecacatan Graduan OKU TVET 2020	82
7.2.4	Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020	83
7.2.4.1	Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat pengajian	83
7.2.5	Taraf Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020	84
7.2.6	Sektor Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020	84
7.2.7	Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020	85
7.2.7.1	Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi	85–86
7.2.8	Kadar Belum Bekerja Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	87
7.2.9	Alasan Belum Bekerja bagi Graduan OKU TVET 2020	88
 BAB 8 KESIMPULAN		 89–93
<hr/>		
8.1	Ulasan	90
8.2	Isu dan Saranan	91
8.2.1	Meningkatkan Kadar Kebolehpasaran Graduan	91
8.2.2	Kewajaran Gaji yang Ditawarkan	92
8.3	Inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan	93
 RUJUKAN		 94
<hr/>		
LAMPIRAN		95–117
<hr/>		
LAMPIRAN A: GLOSARI ISTILAH		96–98
LAMPIRAN B: GLOSARI SINGKATAN DAN AKRONIM		99
LAMPIRAN C: JAWATANKUASA LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN 2020		100
LAMPIRAN D: JAWATANKUASA SOAL SELIDIK		101
LAMPIRAN E: JAWATANKUASA PELAKSANA PROJEK		102
LAMPIRAN F: SENARAI ILKA YANG MENYERTAI SKPG DAN KADAR RESPONS 2020		103–117

Carta 1.1	Keluaran Keseluruhan Graduan, Bilangan ILKA dan Kadar Respons bagi Tahun 2018–2020	4
Carta 1.2	Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Peringkat Pengajian	6
Carta 1.3	Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Keseluruhan Graduan TVET 2018–2020	9
Carta 1.4	Kadar Belum Bekerja bagi Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Peringkat Pengajian	11
Carta 2.1	Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina	16
Carta 2.2	Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	18
Carta 3.1	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020	23
Carta 3.2.1	Kadar Kebolehpasaran Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	24
Carta 3.2.2	Kadar Kebolehpasaran Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	25
Carta 3.2.3	Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	27
Carta 3.2.4	Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin	28
Carta 3.3	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama	29
Carta 3.4	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/ Tahap 5	30
Carta 3.5	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4	32
Carta 3.6	Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3	35
Carta 4.1	Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020	46
Carta 4.2	Sektor Ekonomi Keseluruhan Graduan TVET 2020	49
Carta 5.1	Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Kategori ILKA dan Jantina	52
Carta 5.2	Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)	53
Carta 5.3	Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan TVET 2020	53
Carta 5.4	Tumpuan Utama bagi Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian	54
Carta 5.5	Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan TVET 2020	55
Carta 6.1	Alasan Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan TVET 2020	58
Carta 6.2	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	59
Carta 6.3	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	59
Carta 6.4	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin	61
Carta 6.5	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	62
Carta 6.6	Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja	63
Carta 7.1.1	Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	72
Carta 7.1.2	Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	72
Carta 7.1.3	Sepuluh (10) Jenis Perniagaan Utama Diceburi Graduan Usahawan TVET 2020	73
Carta 7.1.4	Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan TVET 2020	74
Carta 7.1.5	Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020	75

Carta 7.2.1	Graduan OKU TVET 2020 Mengikuti Kategori ILKA dan Jantina	80
Carta 7.2.2	Jenis Kecacatan Graduan OKU TVET 2020	82
Carta 7.2.3	Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020	83
Carta 7.2.4	Taraf Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020	84
Carta 7.2.5	Sektor Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020	84
Carta 7.2.6	Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020	85
Carta 7.2.7	Alasan Belum Bekerja bagi Graduan OKU TVET 2020	88

Jadual 1a	Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Kategori ILKA	5
Jadual 1b	Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Peringkat Pengajian	7
Jadual 1c	Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Bidang Pengajian	8
Jadual 1d	Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Kategori ILKA	10
Jadual 1e	Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Peringkat Pengajian	10
Jadual 1f	Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Bidang Pengajian	12
Jadual 2a	Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	15
Jadual 2b	Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Peringkat Pengajian	17
Jadual 2c	Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Bidang Pengajian	19
Jadual 2d	Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Peringkat Pengajian	20
Jadual 3a	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	25
Jadual 3b	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	26
Jadual 3c	Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	27
Jadual 3d	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama Mengikut Bidang Pengajian	30
Jadual 3e	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5 Mengikut Kategori ILKA	31
Jadual 3f	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5 Mengikut Bidang Pengajian	31
Jadual 3g	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Kategori ILKA	33
Jadual 3h	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Bidang Pengajian	34
Jadual 3i	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Kategori ILKA	36
Jadual 3j	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Bidang Pengajian	37
Jadual 4a	Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	40
Jadual 4b	Taraf Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	41
Jadual 4c	Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	42
Jadual 4d	Taraf Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	43
Jadual 4e	Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA	44
Jadual 4f	Sektor Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	45
Jadual 4g	Kumpulan Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	47
Jadual 4h	Pendapatan Bulanan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kategori ILKA	48
Jadual 5a	Graduan TVET 2020 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama	54
Jadual 6a	Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian yang Belum Bekerja	60

Jadual 6b	Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan TVET 2020	64
Jadual 6c	Alasan Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian bagi Graduan TVET 2020	65
Jadual 6d	Alasan Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian bagi Graduan TVET 2020	66-67
Jadual 6e	Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian	68
Jadual 7.1a	Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina	71
Jadual 7.1b	Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Jenis Perniagaan	76
Jadual 7.1c	Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi	77
Jadual 7.2a	Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian	81
Jadual 7.2b	Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian	83
Jadual 7.2c	Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi	86
Jadual 7.2d	Kadar Belum Bekerja Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian	87

Penerbitan ini memaparkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET (*Technical and Vocational Education and Training*) bagi tahun 2020 yang disusun secara tahunan. Laporan ini menyediakan statistik berkaitan status kebolehpasaran graduan TVET dan maklumat pekerjaan berdasarkan data yang diperoleh melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET yang dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Statistik utama dipaparkan secara infografik yang mengandungi sorotan hasil kajian 2020. Penerbitan ini mengandungi lapan (8) bab, iaitu Bab 1 mengenai latar belakang, metodologi dan struktur soal selidik. Profil keseluruhan graduan TVET mengikut ILKA, peringkat pengajian, jantina, bidang pengajian diperincikan pada Bab 2. Bab 3 memfokuskan kepada status pekerjaan dan kebolehpasaran graduan TVET mengikut setiap ILKA, peringkat dan bidang pengajian. Bab 4 memperihalkan maklumat pekerjaan graduan TVET seperti taraf pekerjaan, sektor pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan pekerjaan serta pendapatan bulanan. Maklumat graduan TVET yang melanjutkan pengajian dipaparkan pada Bab 5 manakala Bab 6 pula menyediakan maklumat mengenai graduan TVET yang belum bekerja. Bab 7 mengandungi laporan berfokus berkaitan graduan yang bekerja sendiri dan graduan OKU manakala bahagian akhir laporan memuatkan kesimpulan, iaitu pada Bab 8.

Statistik ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu berkepentingan bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis, unjuran dan dapat membantu dalam perancangan pembangunan pendidikan tinggi.

Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat atas kerjasama dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang dalam merealisasikan penerbitan ini. Sebarang ulasan dan cadangan bagi menambah baik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

Disember 2021

INTI PATI HASIL

KAJIAN PENGESANAN GRADUAN TVET 2020

1.1 Profil Graduan TVET 2020

- 1.1.1 Kajian Pengesanan Graduan TVET pada tahun 2020 melibatkan 540 buah ILKA negara, yang mengeluarkan graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga ijazah pertama. ILKA yang menyertai kajian ialah ILKA di bawah KPT, KPM, KSM, KBS, MAFI, KPLB, KKR dan MOTAC.
- 1.1.2 Secara keseluruhannya, bilangan graduan yang dikeluarkan adalah seramai 78,655 orang. Politeknik mengeluarkan seramai 28,532 graduan, kolej vokasional (11,878 graduan) dan kolej komuniti (6,939 graduan). ILKA KSM mengeluarkan graduan seramai 5,995 graduan, ILKA KPLB (20,134 graduan), ILKBS (3,286 graduan), ILKA KKR (929 graduan), ILKAP MAFI (898 graduan) dan ILKA MOTAC mengeluarkan seramai 64 graduan.
- 1.1.3 Keluaran tertinggi pada tahun 2020 adalah graduan peringkat diploma, iaitu sebanyak 59.7 peratus (46,942 graduan), diikuti peringkat sijil (40.0%; 31,501 graduan), ijazah pertama (0.2%; 166 graduan) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5 sebanyak 0.1 peratus (46 graduan).
- 1.1.4 Mengikut bidang pengajian, peratus tertinggi adalah terdiri dari lulusan dalam bidang pengajian kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu sebanyak 64.2% (50,465 graduan). Ini diikuti bidang pengajian sains sosial, perniagaan & perundangan (12.0%; 9,439 graduan), bidang perkhidmatan sebanyak 10.8 peratus (8,508 graduan), bidang sains, matematik & komputer sebanyak 6.0 peratus (4,745 graduan) dan bidang sastera & kemanusiaan sebanyak 3.8 peratus (3,001 graduan).

1.2 Kadar Kebolehpasaran dan Status Pekerjaan Graduan TVET 2020

- 1.2.1 Kadar kebolehpasaran graduan TVET pada tahun 2020 adalah 87.0 peratus, dengan sebanyak 66.8 peratus (47,635 graduan) bekerja, diikuti 16.4 peratus (11,679 graduan) sedang melanjutkan pengajian, menunggu penempatan pekerjaan (3.4%; 2,423 graduan) dan 0.4 peratus (305 graduan) sedang meningkatkan kemahiran. Selebihnya, iaitu 13.0 peratus pula belum bekerja.
- 1.2.2 Graduan kolej komuniti mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu sebanyak 94.2 peratus (6,095 graduan), diikuti politeknik (91.4%; 23,677 graduan), ILKBS (85.3%; 2,619 graduan), ILKA KSM (84.8%; 4,903 graduan), ILKA KPLB (83.6%; 14,564 graduan), kolej vokasional (81.6%; 9,529 graduan), ILKAP MAFI (63.7%; 529 graduan) dan ILKA MOTAC sebanyak 67.2 peratus (41 graduan).
- 1.2.3 Mengikut peringkat pengajian, peratus tertinggi kebolehpasaran graduan adalah peringkat ijazah pertama (93.3%; 125 graduan), diikuti graduan diploma (88.4%; 38,801 graduan), diploma lanjutan (86.7%; 39 graduan), dan sijil (84.7%; 23,077 graduan).

1.3 Maklumat Pekerjaan Graduan TVET 2020

- 1.3.1 Majoriti, iaitu 71.6 peratus (34,090 graduan) bekerja di sektor swasta (termasuk NGO), diikuti 18.3 peratus (8,707 graduan) menjadi usahawan (12.1 peratus adalah bekerja sendiri, 4.0 peratus menjadi majikan dan 2.2 peratus bekerja sebagai *freelance*), 3.3 peratus (1,570 graduan) bekerja di sektor kerajaan dan 6.9 peratus (3,268 graduan) bekerja dengan keluarga.
- 1.3.2 Sebanyak 52.6 peratus (18,759 graduan) yang bekerja menyatakan pekerjaan mereka bertaraf tetap, diikuti kontrak (25.5%; 9,094 graduan) dan sementara sebanyak 21.9 peratus (7,807 graduan).

- 1.3.3 Sebanyak 48.1 peratus (18,674 graduan) bekerja dalam kumpulan separuh mahir, diikuti kumpulan mahir (43.9%; 17,029 graduan) dan berkemahiran rendah sebanyak 7.9 peratus (3,080 graduan).
- 1.3.4 Pendapatan bulanan graduan TVET pada tahun 2020 menunjukkan 46.7 peratus (22,240 graduan) berada dalam kumpulan pendapatan RM1,001 – RM1,500, diikuti 21.2 peratus (10,099 graduan) berada dalam kumpulan pendapatan RM1,000 & ke bawah dan 22.4 peratus (10,690 graduan) dalam kumpulan pendapatan RM1,501 – RM2,000.

1.4 Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja

- 1.4.1 Sebanyak 67.2 peratus (6,243 graduan) daripada jumlah graduan yang belum bekerja adalah pencari pekerjaan aktif dan 7.5 peratus (693 graduan) pula menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian. Selebihnya belum bekerja kerana tanggungjawab terhadap keluarga (6.5%; 600 graduan), ingin berehat/melancong/bercuti (4.5%; 422 graduan) dan kerja yang ditawarkan tidak sesuai (3.9%; 365 graduan).

1.5 Graduan Usahawan TVET 2020

- 1.5.1 Sebanyak 18.3 peratus (8,707 graduan) daripada graduan TVET 2020 yang bekerja menyatakan mereka menjadi usahawan. Mengikut peringkat pengajian, graduan sijil mencatatkan kadar menjadi usahawan yang tertinggi, iaitu 27.0 peratus (4,657 graduan), diikuti diploma sebanyak 13.3 peratus (4,034 graduan), diploma lanjutan (11.8%; 4 graduan) dan ijazah pertama sebanyak 10.3 peratus (12 graduan).

1.6 Graduan OKU TVET: Keluaran dan Maklumat Pekerjaan, 2020

- 1.6.1 Seramai 429 graduan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) telah dikeluarkan oleh ILKA pada tahun 2020 dan 63.6 peratus (273 graduan) daripadanya adalah lelaki.
- 1.6.2 Kadar kebolehpasaran graduan OKU adalah sebanyak 84.2 peratus (73.1 peratus bekerja; 282 graduan) manakala sebanyak 15.8 peratus (61 graduan) masih belum bekerja.
- 1.6.3 Sebanyak 88.4 peratus (160 graduan) bekerja di sektor swasta tempatan (termasuk NGO) manakala sebanyak 8.8 peratus (16 graduan) di swasta multinasional dan 2.9 peratus (5 graduan) bekerja di sektor kerajaan negeri/tempatan dan badan berkanun.
- 1.6.4 Secara keseluruhannya, peratus tertinggi pendapatan bulanan graduan OKU adalah RM1,000 & ke bawah iaitu sebanyak 51.1 peratus (144 graduan).

BAB 1

PENGENALAN

- Pengenalan Kepada Kajian Pengesanan Graduan TVET
- Trend Keluaran dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020

PENGENALAN

Bab ini menerangkan pengenalan kepada Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG-TVET) yang meliputi skop kajian, metodologi dan struktur soal selidik SKPG-TVET. Bab ini turut menerangkan penyertaan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan graduan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) yang terlibat dalam kaji selidik tahun 2020. Trend keluaran dan kebolehpasaran graduan TVET tahun 2018-2020 turut direkodkan dalam bab ini.

1.1 Pengenalan kepada Kajian Pengesanan Graduan TVET

Kajian Pengesanan Graduan TVET merupakan kajian tahunan yang dilaksanakan secara atas talian melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG-TVET). Sistem ini diselaraskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berdasarkan mandat yang diberikan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (UPE, MEA) bermula tahun 2018. Skop kajian adalah graduan warganegara Malaysia berkelulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 sehingga peringkat ijazah pertama dari ILKA. Terdapat lapan (8) kementerian yang mempunyai ILKA terlibat dalam kaji selidik ini, iaitu KPT, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

1.2 Metodologi Kajian

Soal selidik yang dijalankan secara atas talian ini dapat dicapai melalui laman sesawang rasmi Kajian Pengesanan Graduan (SKPG-TVET), iaitu <https://graduan.mohe.gov.my/skpgtvvet>. Maklumat asas graduan seperti profil graduan dan maklumat pengajian dibekalkan oleh pentadbir institusi sebelum kajian bermula. Maklumat tersebut tidak boleh diubah oleh graduan melainkan setelah mendapat pengesahan daripada pihak institusi.

Tempoh pelaksanaan kaji selidik tertakluk kepada keperluan ILKA masing-masing pada tahun semasa. Hebahan kepada graduan bagi memastikan penyertaan dalam kaji selidik mencapai sasaran, iaitu 85.0 peratus dan ke atas merupakan tanggungjawab ILKA masing-masing. Data graduan beserta jawapan responden akan dibekalkan kepada ILKA setelah sistem ditutup bagi penganalisisan yang lebih mendalam mengenai graduan masing-masing.

1.3 Struktur Soal Selidik Kajian Pengesanan Graduan TVET KPT 2020

Terdapat enam (6) bahagian dalam soal selidik Kajian Pengesanan Graduan TVET yang perlu dilengkapkan oleh graduan berdasarkan pilihan status pekerjaan masing-masing.

Bahagian A memaparkan profil diri dan maklumat pengajian graduan yang telah dibekalkan oleh ILKA masing-masing. **Bahagian B** pula berkaitan status pekerjaan terkini responden, iaitu sama ada bekerja (mempunyai majikan/bekerja sendiri/*freelance*/bekerja dengan keluarga) atau tidak bekerja.

Bahagian C hanya akan dilihat oleh graduan yang memilih status bekerja pada Bahagian B. Bahagian ini mengandungi soalan berkaitan maklumat pekerjaan seperti taraf pekerjaan, taraf jawatan, pendapatan bulanan, maklumat majikan, sektor pekerjaan, sektor ekonomi dan lain-lain.

Bahagian D pula dipaparkan bagi graduan yang memilih jawapan tidak bekerja pada Bahagian B. Bahagian ini mengandungi soalan khusus bagi graduan yang belum bekerja. **Bahagian E** adalah dikhususkan untuk graduan yang melanjutkan pengajian seurus selepas tamat pengajian. Manakala maklum balas graduan berkaitan pengalaman semasa mengikuti pengajian di ILKA dimuatkan dalam **Bahagian F**.

1.4 Penyertaan ILKA dalam Kajian Pengesanan Graduan TVET KPT 2020

Sebanyak 540 ILKA telah menyertai Kajian Pengesanan Graduan TVET pada tahun 2020 berbanding 539 pada tahun 2019. Mengikut kategori ILKA, sebanyak 36 politeknik, 92 kolej komuniti, 81 kolej vokasional, 33 ILKA KSM, 6 ILKA KKR, 256 ILKA KPLB, 14 ILKAP MAFI, 21 ILKBS dan sebuah ILKA MOTAC telah menyertai kajian.

1.5 Susunan Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2020

Laporan yang dihasilkan pada tahun 2020 disediakan dalam bentuk info grafik. Pada bahagian awal laporan ini disisipkan trend keluaran dan kadar kebolehpasaran graduan bagi tempoh tiga tahun bermula tahun 2018 hingga 2020.

Secara keseluruhan, buku ini terdiri daripada lapan (8) bab. **Bab 1** memperihalkan tentang pengenalan. **Bab 2** pula memaparkan profil graduan TVET 2020 mengikut kategori ILKA, peringkat pengajian, bidang pengajian dan jantina.





Bab 3 memperincikan status pekerjaan serta kebolehpasaran graduan TVET tahun 2020 secara keseluruhan serta mengikut kategori ILKA dan peringkat pengajian. Maklumat pekerjaan graduan yang bekerja seperti taraf pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan dan sektor pekerjaan, pendapatan bulanan serta sektor ekonomi dibincangkan dalam **Bab 4**.

Bab 5 memaparkan graduan TVET 2020 yang melanjutkan pengajian, manakala **Bab 6** mengandungi maklumat graduan TVET 2020 yang belum bekerja, iaitu sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian, peringkat pengajian, negeri bermastautin dan sebagainya.

Bab 7 mengandungi maklumat keluaran dan maklumat pekerjaan graduan usahawan TVET dan graduan TVET yang berstatus OKU yang dikategorikan sebagai kumpulan berfokus. Keseluruhan bab dirumus dalam **Bab 8**.

1.6 Trend Keluaran Graduan TVET 2018–2020

Seramai 78,655 graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga peringkat ijazah pertama telah dikeluarkan oleh 540 ILKA negara pada tahun 2020 (**Carta 1.1**). Keluaran graduan mencatatkan penurunan sebanyak 8.6 peratus berbanding tahun 2019 (86,029 graduan). Hampir semua ILKA mencatatkan penurunan bilangan graduan, iaitu antara 2.0 hingga 37.8 peratus berbanding tahun sebelumnya kecuali graduan ILKA KKR dan ILKA KPLB, masing-masing meningkat sebanyak 14.0 peratus dan 5.7 peratus. Penurunan keluaran tertinggi ialah graduan kolej komuniti, iaitu sebanyak 37.8 peratus (2020: 6,939 graduan; 2019: 11,150 graduan) diikuti ILKA MOTAC dan ILKAP MAFI, masing-masing 19.0 peratus (2020: 64 graduan; 2019: 79 graduan) dan 17.2 peratus (2020: 898 graduan; 2019: 1,085 graduan). (**Jadual 1a**)

		2018	2019	2020
Bil. ILKA		407	539	540
Keluaran		77,293	86,029	78,655
Responden		68,167	74,743	71,328
Kadar respons		88.2%	86.9%	90.7%

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penurunan keluaran graduan ILKA pada tahun 2020. Berdasarkan maklum balas daripada pihak ILKA, kemasukan pelajar ke ILKA telah mengalami pengurangan sejak tiga atau empat tahun yang lalu, seperti di ILKBS, pengambilan pelajar telah berkurang sejak tahun 2017. Bagi kolej komuniti pula, berlaku peralihan pengambilan pelajar dari tiga kali kepada dua kali setahun bermula tahun 2018. Kerjasama antara kolej vokasional dengan institusi latihan kemahiran swasta (ILKS) melalui program *buying places*, program kolaboratif dan program *trade-off* dengan ILKA lain tidak lagi ditawarkan bermula tahun 2019 di kolej vokasional. Selain itu, kolej vokasional turut menggugurkan program yang mempunyai nilai pasaran yang rendah dan tidak lagi relevan sejajar permintaan semasa industri. Penurunan keluaran graduan ILKA KSM disebabkan pelajar terpaksa menangguhkan penempatan latihan industri berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan PKP di seluruh negara dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menyebabkan kebanyakan ILKA KSM dan ILKBS tidak dapat beroperasi secara fizikal di mana Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan secara atas talian. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah keluaran graduan pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, kadar respons graduan TVET bagi tahun 2020 berlaku peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 90.7%; 2019: 86.9%). Hampir semua ILKA mencatatkan kadar respons melebihi 85.0% seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020, kecuali ILKA KKR (13.5%).


ILKA	2018			2019			2020			Peratus perubahan tahunan 2020
	Bil. ILKA	N	KR (%)	Bil. ILKA	N	KR (%)	Bil. ILKA	N	KR (%)	
Politeknik	33	28,685	89.4	34	29,127	90.1	36	28,532	90.8	-2.0
Kolej komuniti	89	10,432	94.6	92	11,150	93.5	92	6,939	93.3	-37.8
Kolej vokasional	82	14,185	95.9	82	14,063	97.4	81	11,878	98.3	-15.5
ILKA KSM	33	9,605	83.7	33	7,214	90.0	33	5,995	96.4	-16.9
ILKBS	19	4,296	46.0	21	3,445	84.2	21	3,286	93.4	-4.6
ILKAP MAFI	11	1,274	87.7	14	1,085	89.0	14	898	92.4	-17.2
ILKA MOTAC	-	-	-	1	79	97.5	1	64	95.3	-19.0
ILKA KPLB	140	8,816	89.9	256	19,051	73.1	256	20,134	86.5	5.7
ILKA KKR	-	-	-	6	815	0.9	6	929	13.5	14.0
Jumlah	407	77,293	88.2	539	86,029	86.9	540	78,655	90.7	-8.6

N= Jumlah graduan
KR= Kadar respons

Graduan peringkat diploma merupakan kumpulan terbesar keluaran TVET negara bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu 58.2 hingga 63.2 peratus. Kumpulan kedua tertinggi ialah graduan peringkat sijil, iaitu antara 36.3 hingga 41.5 peratus. Selebihnya ialah keluaran graduan peringkat ijazah pertama dan diploma lanjutan, iaitu kurang daripada 0.5 peratus. **(Carta 1.2)**

Carta 1.2

Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan TVET 2018-2020
Mengikut Peringkat Pengajian



Semua peringkat pengajian mencatatkan penurunan, iaitu diploma lanjutan (-50.0%), sijil (-11.8%), ijazah pertama (-6.7%) dan graduan diploma (-6.2%). Pada tahun 2020, keluaran graduan peringkat diploma adalah sebanyak 46,942 graduan, iaitu jumlah terendah bagi tempoh tiga (3) tahun. Bagi graduan peringkat sijil pula, peningkatan ketara ditunjukkan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 kerana skop kajian diperluaskan kepada graduan SKM Tahap 1 dan SKM Tahap 2. Walau bagaimanapun, jumlah graduan sijil tahun 2020 kembali menurun kepada 31,501 graduan (2019: 35,723 graduan). **(Jadual 1b)**

Jadual 1b

Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan TVET 2018-2020
Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen			Peratus perubahan tahunan 2020 (%)
	2018	2019	2020	
Ijazah pertama	162	178	166	-6.7
Diploma lanjutan	171	92	46	-50.0
Diploma	48,867	50,036	46,942	-6.2
Sijil	28,093	35,723	31,501	-11.8
Jumlah	77,293	86,029	78,655	-8.6









Nota:

- 1) Diploma lanjutan – termasuk graduan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5
- 2) Diploma – termasuk graduan Diploma Vokasional Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4
- 3) Siji – termasuk graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga SKM Tahap 3, Sijil Pengajar Vokasional (VTO) dan sijil yang setaraf

Bagi tempoh tiga tahun (2018-2020), keluaran tertinggi adalah graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu mewakili 58.7 hingga 64.2 peratus. Ini diikuti graduan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (11.9% – 13.7%) serta perkhidmatan, (9.5% – 10.8%). Graduan bidang sains, matematik & komputer mengatasi graduan bidang perkhidmatan pada tahun 2018 sebanyak 8.8 peratus.

Penurunan ketara (-58.5%) berlaku bagi keluaran graduan bidang pendidikan, iaitu sebanyak 655 graduan berbanding 1,578 graduan pada tahun 2019 yang kesemua adalah graduan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST). Merujuk kepada maklum balas daripada pihak CIAST, pelaksanaan PKP yang bermula pada Mac 2020 telah menyebabkan kumpulan pelajar Kursus Sijil Pengajar Vokasional (VTO) bagi sesi pengambilan Januari 2020 yang sepatutnya tamat pada September 2020 terpaksa menangguhkan pengajian dan akhirnya menamatkan pengajian pada April 2021. Dalam masa yang sama, para pelajar program diploma yang seharusnya menamatkan pengajian pada tahun 2020 juga terpaksa menangguhkan pengajian ke tahun 2021. Penangguhan ini adalah di antara penyebab yang menyumbang kepada penurunan bilangan graduan yang tamat pada tahun 2020. **(Jadual 1c)**

(%)


Bidang pengajian	2018		2019		2020		Peratus perubahan tahunan 2020
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	45,336	58.7	53,205	61.8	50,465	64.2	-5.1
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	10,606	13.7	10,204	11.9	9,439	12.0	-7.5
 Perkhidmatan	6,250	8.1	8,149	9.5	8,508	10.8	4.4
 Sains, matematik dan komputer	6,811	8.8	6,574	7.6	4,745	6.0	-27.8
 Sastera dan kemanusiaan	3,309	4.3	3,838	4.5	3,001	3.8	-21.8
 Pertanian dan veterinar	2,173	2.8	2,313	2.7	1,699	2.2	-26.5
 Pendidikan	2,503	3.2	1,578	1.8	655	0.8	-58.5
 Kesihatan dan kebajikan	305	0.4	168	0.2	143	0.2	-14.9
Jumlah	77,293	100.0	86,029	100.0	78,655	100.0	-8.6

1.7 Kebolehpasaran Graduan TVET 2018-2020

Berdasarkan *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*, kebolehpasaran graduan bermaksud **keupayaan graduan untuk dipasarkan di dalam industri, iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian. Kadar kebolehpasaran graduan (Graduate Employability: GE)** dalam Kajian Pengesanan Graduan KPT merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Selebihnya adalah graduan yang tidak bekerja.

Secara keseluruhan, kadar kebolehpasaran graduan TVET pada tahun 2020 adalah 87.0 peratus, menurun sebanyak 6.4 peratus berbanding tahun 2019 (93.4%). Kadar ini adalah yang terendah dalam tempoh tiga tahun kajian yang bermula pada tahun 2018 (88.9%). Kadar graduan yang bekerja pada tahun 2020 mencatatkan penurunan (-6.5%) kepada 66.8 peratus berbanding 73.3 peratus pada tahun 2019. Graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan dan mengikuti kursus untuk meningkatkan kemahiran menyumbang peratusan yang sangat kecil dalam tempoh 3 tahun (2018-2020), iaitu di antara julat 0.4 hingga 0.6 peratus. Walaubagaimapun, terdapat penurunan sebanyak 0.2 peratus di antara tahun 2019 dan 2020. Bagi graduan yang melanjutkan pengajian pula, terdapat peningkatan sebanyak 0.5 peratus pada tahun 2020 berbanding 2019 (2019: 15.9%; 2020: 16.4%).

Merujuk kepada graduan belum bekerja pada tahun 2020, kadar menunjukkan peningkatan (6.4%) kepada 13.0 peratus berbanding tahun 2019 sebanyak 6.6 peratus. Ini merupakan kadar tertinggi sepanjang tempoh tiga (3) tahun kajian dijalankan. Sebaliknya pada tahun 2019, kadar belum bekerja menunjukkan penurunan sebanyak 4.5 peratus berbanding tahun 2018 (11.1%) seperti pada **Carta 1.3**.



n= Jumlah responden

1.7.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Kategori ILKA

- Graduan kolej komuniti dan politeknik senantiasanya mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 91.0 peratus bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu tahun 2018 hingga 2020. Manakala graduan ILKBS, ILKA KSM dan ILKA KPLB mencatatkan trend kadar kebolehpasaran graduan antara 83.3 hingga 89.2 peratus bagi tempoh yang sama. Graduan kolej vokasional pula mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan yang kurang seimbang bagi tempoh tiga (3) tahun dengan peningkatan yang ketara (19.8%) pada tahun 2019, iaitu kepada 97.4 peratus (2018: 77.6%). Walau bagaimanapun, kadar ini menurun semula (-15.8%) pada tahun 2020 kepada 81.6 peratus. ILKA lain turut menunjukkan trend penurunan antara tahun 2019 dan 2020 kecuali ILKA MOTAC. **(Jadual 1d)**

Jadual 1d

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	2018		2019		2020	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
Kolej komuniti	9,871	96.6	10,427	97.8	6,471	94.2
Politeknik	25,643	96.1	26,236	96.7	25,901	91.4
ILKBS	1,976	88.0	2,900	89.2	3,070	85.3
ILKA KSM	8,041	84.6	6,495	86.3	5,781	84.8
ILKA KPLB	7,922	83.3	13,933	86.0	17,414	83.6
Kolej vokasional	13,597	77.6	13,702	97.4	11,675	81.6
ILKA MOTAC	-	-	7	64.9	125	67.2
ILKA KKR	-	-	77	100	61	68.0
ILKAP MAFI	1,117	67.1	966	67.4	830	63.7

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

1.7.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian

- Berdasarkan peringkat pengajian, kadar kebolehpasaran graduan bagi peringkat ijazah pertama menunjukkan trend penurunan tidak sekata dalam tempoh tiga (3) tahun (2018: 96.3%; 2019: 96.2%; 2020: 93.3%) dengan penurunan yang agak ketara, iaitu sebanyak 2.9 peratus antara tahun 2019 dan 2020. Kadar kebolehpasaran graduan ini adalah yang tertinggi bagi semua peringkat pengajian pada tahun 2020, diikuti graduan diploma lanjutan dan diploma. Trend yang hampir sama ditunjukkan pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, peringkat diploma lanjutan mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi pada tahun 2019. Selain ijazah pertama, terdapat trend peningkatan antara tahun 2018 dan 2019 (0.6 peratus hingga 6.8 peratus) dan trend penurunan dengan tahun 2020 (-4.5 peratus hingga -9.9 peratus) seperti pada **Jadual 1e**.

Jadual 1e

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	2018		2019		2020	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
Ijazah pertama	135	96.3	157	96.2	134	93.3
Diploma lanjutan	117	95.7	87	96.6	45	86.7
Diploma	44,644	89.1	46,572	95.9	43,900	88.4
Sijil	23,271	88.6	27,927	89.2	27,249	84.7


n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

- Kadar belum bekerja graduan ijazah pertama menunjukkan peningkatan sebanyak 2.9 peratus di antara tahun 2019 dan 2020, iaitu merupakan peratus tertinggi bagi tempoh tiga (3) tahun kajian. Walaupun peratus belum bekerja graduan diploma lanjutan menunjukkan peningkatan ketara antara tahun 2018 (4.3%; 5 graduan) dan 2020 (13.3%; 6 graduan), perbezaan bilangan graduan adalah seorang sahaja. Bagi graduan diploma pula, kadar belum bekerja meningkat sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2020, kepada 11.6 peratus (5,099 graduan) berbanding pada tahun 2019 (4.1%; 1,921 graduan). Bagi graduan peringkat sijil, kadar belum bekerja turut meningkat sebanyak 4.5 peratus pada tahun 2020 berbanding 10.8 peratus pada tahun sebelumnya. **(Carta 1.4)**

Carta 1.4

Kadar Belum Bekerja bagi Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Peringkat Pengajian











1.7.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian

- Semua bidang pengajian mencatatkan penurunan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 kecuali graduan pendidikan, iaitu 78.9 peratus (490 graduan) pada tahun 2020 (2019: 68.7%; 856 graduan). Namun begitu, kadar peratusan tersebut adalah kedua terendah berbanding kadar kebolehpasaran graduan bidang pengajian lain pada tahun 2020. Kadar kebolehpasaran graduan tertinggi adalah bidang sastera & kemanusiaan (90.5%; 2,566 graduan), diikuti graduan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (88.8%; 7,901 graduan), bidang sains, matematik & komputer (87.6%; 3,971 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (87.1%; 39,177 graduan) seperti pada **Jadual 1f**.

Jadual 1f

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2018–2020 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	2018		2019		2020	
	n	GE (%)	n	GE (%)	n	GE (%)
 Sastera dan kemanusiaan	3,073	91.5	3,494	94.5	2,836	90.5
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	9,851	91.7	9,644	96.8	8,895	88.8
 Sains, matematik dan komputer	6,031	90.4	6,031	93.3	4,534	87.6
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	39,603	88.2	44,836	93.6	44,981	87.1
 Kesihatan dan kebajikan	289	83.4	163	96.9	143	86.7
 Perkhidmatan	5,831	91.2	7,204	93.4	7,731	86.0
 Pendidikan	1,483	81.7	1,246	68.7	621	78.9
 Pertanian dan veterinar	2,006	81.0	2,125	86.7	1,587	73.4

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

BAB 2

PROFIL GRADUAN TVET 2020

KELUARAN DAN KADAR RESPONS GRADUAN TVET 2019-2020

- Meliputi graduan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga ijazah pertama.
- Keluaran graduan menurun sebanyak 8.6 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.
- Kadar respons meningkat sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2020 berbanding 86.9 peratus pada tahun 2019.

	2019	2020
Bil. ILKA	539	540
Keluaran	86,029	78,655
Responden	74,743	71,328
KR (Kadar respons)	86.9%	90.7%

Keluaran Graduan TVET 2019-2020 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	2019			2020		
	Bil. ILKA	Graduan	KR (%)	Bil. ILKA	Graduan	KR (%)
Kolej vokasional	82	14,063	97.4	81	11,878	98.3
ILKA KSM	33	7,214	90.0	33	5,995	96.4
ILKA MOTAC	1	79	97.5	1	64	95.3
ILKBS	21	3,445	84.2	21	3,286	93.4
Kolej komuniti	92	11,150	93.5	92	6,939	93.3
ILKAP MAFI	14	1,085	89.0	14	898	92.4
Politeknik	34	29,127	90.1	36	28,532	90.8
ILKA KPLB	256	19,051	73.1	256	20,134	86.5
ILKA KKR	6	815	0.9	6	929	13.5
Keseluruhan	539	86,029	86.9	540	78,655	90.7

- Pada tahun 2020, kadar respons graduan TVET adalah 90.7 peratus (71,328 responden) daripada 78,655 graduan.

Keluaran Graduan TVET 2019-2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	2019			2020		
	Bil. graduan	%	KR (%)	Bil. graduan	%	KR (%)
Ijazah pertama	178	0.2	88.2	166	0.2	80.7
Diploma lanjutan	92	0.1	94.6	46	0.1	97.8
Diploma	50,036	58.2	93.1	46,942	59.7	93.5
Sijil	35,723	41.5	78.2	31,501	40.0	86.5
Keseluruhan	86,029	100	86.9	78,655	100	90.7

- Semua peringkat pengajian turut menunjukkan penurunan keluaran graduan.

PROFIL GRADUAN TVET 2020

Bab ini memaparkan maklumat graduan warganegara peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga ijazah pertama yang layak bergraduat pada tahun 2020 daripada Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seluruh negara. Antara maklumat yang boleh diperolehi dalam bab ini adalah keluaran graduan TVET mengikut kategori ILKA, jantina, peringkat pengajian dan bidang pengajian.

2.1 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

- Sebanyak 540 ILKA telah menyertai kaji selidik pada tahun 2020 dan seramai 78,655 graduan telah dikeluarkan.
- Daripada jumlah tersebut, 90.7 peratus (71,328 graduan) menyertai kajian.
- Politeknik mengeluarkan seramai 28,532 graduan atau mewakili 36.3 peratus dari keseluruhan graduan TVET 2020, diikuti ILKA KPLB (20,134 graduan), kolej vokasional (11,878 graduan), kolej komuniti (6,939 graduan), ILKA KSM (5,995 graduan) dan ILKBS seramai 3,286 graduan. ILKA MOTAC mencatatkan bilangan keluaran terendah, iaitu seramai 64 graduan.

Jadual 2a


Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	Bil. ILKA	Graduan	Responden	Kadar respons (%)
Politeknik	36	28,532	25,901	90.8
ILKA KPLB	256	20,134	17,414	86.5
Kolej vokasional	81	11,878	11,675	98.3
Kolej komuniti	92	6,939	6,471	93.3
ILKA KSM	33	5,995	5,781	96.4
ILKBS	21	3,286	3,070	93.4
ILKA KKR	6	929	125	13.5
ILKAP MAFI	14	898	830	92.4
ILKA MOTAC	1	64	61	95.3
Keseluruhan	540	78,655	71,328	90.7

2.2 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.1

Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Kumpulan terbesar graduan TVET tahun 2020 adalah peringkat diploma, iaitu 59.7 peratus (46,942 graduan), diikuti peringkat sijil (40.0%; 31,501 graduan), ijazah pertama (0.2%; 166 graduan) dan diploma lanjutan (0.1%; 46 graduan).
- Daripada keseluruhan graduan, sebanyak 60.1 peratus (47,239 graduan) adalah lelaki. Hampir semua peringkat pengajian mencatatkan peratus graduan lelaki melebihi perempuan kecuali graduan ijazah pertama, iaitu sebanyak 54.8 peratus (91 graduan) adalah perempuan.

2.3 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Peringkat Pengajian

- Semua graduan kolej vokasional adalah lulusan diploma. Bagi politeknik, sebahagian besar (99.0%; 28,258 graduan) adalah lulusan diploma, selebihnya adalah graduan ijazah pertama (0.6%; 166 graduan) dan sijil (0.4%; 108 graduan).
- Keseluruhan (100 peratus) graduan ILKA KKR adalah lulusan sijil dan sebahagian besar (96.8%; 6,720 graduan) kolej komuniti juga adalah peringkat sijil.
- Majoriti (84.5%; 17,008 graduan) ILKA KPLB adalah lulusan sijil dan sebanyak 15.5 peratus (3,126 graduan) adalah diploma.

Jadual 2b

Keluaran graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Peringkat Pengajian


ILKA	Jumlah graduan	Ijazah pertama	Diploma lanjutan	Diploma	Sijil
Politeknik	28,532	0.6% (166)	-	99.0% (28,258)	0.4% (108)
ILKA KPLB	20,134	-	-	15.5% (3,126)	84.5% (17,008)
Kolej vokasional	11,878	-	-	100% (11,878)	-
Kolej komuniti	6,939	-	-	3.2% (219)	96.8% (6,720)
ILKA KSM	5,995	-	0.7% (43)	37.8% (2,267)	61.5% (3,685)
ILKBS	3,286	-	0.1% (3)	31.6% (1,039)	68.3% (2,244)
ILKA KKR	929	-	-	-	100% (929)
ILKAP MAFI	898	-	-	11.2% (101)	88.8% (797)
ILKA MOTAC	64	-	-	84.4% (54)	15.6% (10)
Keseluruhan	78,655	0.2% (166)	0.1% (46)	59.7% (46,942)	40.0% (31,501)

2.4 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 64.2 peratus (50,465 graduan) diikuti sains sosial, perniagaan & perundangan (12.0%; 9,439 graduan), perkhidmatan (10.8%; 8,508 graduan) dan sains, matematik & komputer (6.0%; 4,745 graduan).
- Terdapat dua (2) bidang yang mempunyai jumlah graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (74.7%; 37,720 graduan) dan pertanian & veterinar (56.4%; 958 graduan).

Carta 2.2

Keluaran graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.5 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Bidang Pengajian

- Sebanyak 64.2 peratus (50,465 graduan) keluaran ILKA merupakan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Semua graduan ILKA KKR (100%; 929 graduan) merupakan graduan bidang tersebut, diikuti ILKA KSM sebanyak 80.7 peratus (4,838 graduan), ILKA KPLB sebanyak 80.6 peratus (16,230 graduan) dan ILKBS sebanyak 73.9 peratus (2,428 graduan).
- Semua graduan ILKA MOTAC adalah bidang sastera & kemanusiaan (100%; 64 graduan) manakala bagi ILKAP MAFI, majoriti iaitu 91.2 peratus (819 graduan) adalah bidang pertanian & veterinar.









ILKA	Jumlah graduan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Perkhidmatan	Sains, matematik dan komputer	Sastera dan kemanusiaan	Pertanian dan veterinar	Pendidikan	Kesihatan dan kebajikan
Politeknik	28,532	55.4% (15,815)	24.5% (6,988)	5.7% (1,633)	9.5% (2,701)	2.7% (765)	2.2% (630)	-	-
ILKA KPLB	20,134	80.6% (16,230)	-	13.4% (2,704)	2.8% (570)	2.9% (593)	0.1% (18)	0.1% (19)	-
Kolej vokasional	11,878	58.9% (6,995)	19.6% (2,326)	10.4% (1,235)	5.2% (623)	3.1% (373)	1.5% (183)	-	1.2% (143)
Kolej komuniti	6,939	45.9% (3,182)	1.4% (94)	31.6% (2,196)	5.6% (389)	14.8% (1,029)	0.7% (49)	-	-
ILKA KSM	5,995	80.7% (4,838)	-	-	6.5% (391)	2.2% (130)	-	10.6% (636)	-
ILKBS	3,286	73.9% (2,428)	-	22.5% (740)	2.2% (71)	1.4% (47)	-	-	-
ILKA KKR	929	100.0% (929)	-	-	-	-	-	-	-
ILKAP MAFI	898	5.3% (48)	3.5% (31)	-	-	-	91.2% (819)	-	-
ILKA MOTAC	64	-	-	-	-	100.0% (64)	-	-	-
Keseluruhan	78,655	64.2% (50,465)	12.0% (9,439)	10.8% (8,508)	6.0% (4,745)	3.8% (3,001)	2.2% (1,699)	0.8% (655)	0.2% (143)

2.6 Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Peringkat Pengajian

- Sebanyak 54.2 peratus (90 graduan) graduan ijazah pertama mengikut bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, diikuti perkhidmatan (18.7%; 31 graduan), sains sosial, perniagaan & perundangan (14.5%; 24 graduan) dan sastera & kemanusiaan (12.7%; 21 graduan).
- Graduan diploma lanjutan pula mengikut dua (2) bidang pengajian iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (89.1%; 41 graduan), dan bidang sains, matematik & komputer (10.9%; 5 graduan).
- Bagi graduan diploma, peratus tertinggi iaitu sebanyak 61.3 peratus (28,772 graduan) bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, diikuti sains sosial, perniagaan & perundangan (19.8%; 9,310 graduan), dan graduan sains, matematik & komputer (7.4%; 3,472 graduan).
- Begitu juga bagi peringkat sijil, peratus tertinggi adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (68.4%; 21,562 graduan), seterusnya bidang perkhidmatan (17.7%; 5,588 graduan), dan bidang sastera & kemanusiaan sebanyak 4.8 peratus (1,497 graduan).

Jadual 2d

Keluaran Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Peringkat Pengajian

Bidang pengajian	Ijazah pertama (N= 166)	Diploma lanjutan (N= 46)	Diploma (N= 46,942)	Sijil (N= 31,501)	Keseluruhan (N= 78,655)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	54.2% (90)	89.1% (41)	61.3% (28,772)	68.4% (21,562)	64.2% (50,465)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	14.5% (24)	-	19.8% (9,310)	0.3% (105)	12.0% (9,439)
 Perkhidmatan	18.7% (31)	-	6.2% (2,889)	17.7% (5,588)	10.8% (8,508)
 Sains, matematik dan komputer	-	10.9% (5)	7.4% (3,472)	4.0% (1,268)	6.0% (4,745)
 Sastera dan kemanusiaan	12.7% (21)	-	3.2% (1,483)	4.8% (1,497)	3.8% (3,001)
 Pertanian dan veterinar	-	-	1.9% (873)	2.6% (826)	2.2% (1,699)
 Pendidikan	-	-	-	2.1% (655)	0.8% (655)
 Kesihatan dan kebajikan	-	-	0.3% (143)	-	0.2% (143)

N= Jumlah graduan

BAB 3

KEBOLEHPASARAN DAN STATUS PEKERJAAN GRADUAN TVET 2020

- Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020
- Kebolehpasaran Graduan TVET 2020
- Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian:
 - i) Ijazah Pertama
 - ii) Diploma Lanjutan/DLKM Tahap 5
 - iii) Diploma/DKM Tahap 4
 - iv) Sijil/SKM Tahap 1 hingga 3

KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET 2019-2020

Kadar kebolehpasaran graduan (GE; Graduate Employability)




(Lelaki)

(Perempuan)


Tahun	n	GE (%)	Lelaki (%)	Perempuan (%)
2019	74,743	93.4%	94.1% (73.3% bekerja)	92.5% (73.4% bekerja)
2020	71,328	87.0%	87.9% (67.5% bekerja)	85.7% (65.8% bekerja)

- Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 menurun sebanyak 6.4% berbanding tahun 2019 (93.4%)

Kadar kebolehpasaran graduan TVET mengikut peringkat pengajian



Status pekerjaan graduan TVET 2019 dan 2020



Tahun	Responden
2019	74,743
2020	71,328

Kadar kebolehpasaran graduan TVET mengikut kategori ILKA

ILKA	2019	2020
Kolej komuniti	97.8	94.2
Politeknik	96.7	91.4
ILKBS	89.2	85.3
ILKA KSM	86.3	84.8
ILKA KPLB	86.0	83.6
Kolej vokasional	97.4	81.6
ILKA KKR	100*	68.0
ILKA MOTAC	64.9	67.2
ILKAP MAFI	67.4	63.7

Kadar kebolehpasaran graduan TVET mengikut bidang pengajian

Bidang pengajian	2019	2020
Sastera dan kemanusiaan	94.5	90.5
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	96.8	88.8
Sains, matematik dan komputer	93.3	87.6
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	93.6	87.1
Kesihatan dan kebajikan	96.9	86.7
Perkhidmatan	93.4	86.0
Pendidikan	68.7	78.9
Pertanian dan veterinar	86.7	73.4

Nota: *Bilangan responden adalah sangat kecil (7 orang)

KEBOLEHPASARAN DAN STATUS PEKERJAAN GRADUAN TVET 2020


Bab ini memaparkan maklumat kadar kebolehpasaran graduan dan status pekerjaan graduan TVET keluaran tahun 2020. Berdasarkan *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*, Kementerian Pengajian Tinggi, kebolehpasaran bermaksud keupayaan graduan untuk dipasarkan di dalam industri iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian. Kadar kebolehpasaran graduan di dalam bab ini adalah merangkumi graduan yang berada dalam kategori bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan. Antara maklumat yang dibincangkan dalam bab ini adalah kadar kebolehpasaran graduan dan status pekerjaan graduan TVET bagi tahun keluaran 2020 secara keseluruhan, mengikut kategori ILKA, bidang pengajian, negeri bermastautin dan pendapatan bulanan keluarga. Perincian kadar kebolehpasaran graduan bagi setiap peringkat pengajian mengikut jantina, kategori ILKA dan bidang pengajian juga turut disediakan.

3.1 Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020

Carta 3.1

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020

- Sebanyak 66.8 peratus atau seramai 47,635 graduan TVET tahun 2020 telah bekerja dan 13.0 peratus pula belum bekerja (9,286 graduan). Selebihnya, iaitu 16.4 peratus sedang melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran (0.4%) dan menunggu penempatan pekerjaan (3.4%).




n= Jumlah responden

3.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020

3.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

Carta 3.2.1

Kadar Kebolehpasaran Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA



n= Jumlah responden

- Kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah 87.0 peratus pada tahun 2020. Kadar kebolehpasaran graduan lelaki lebih tinggi berbanding perempuan, iaitu perbezaan sebanyak 2.2 peratus.
- Kadar kebolehpasaran graduan kolej komuniti dan politeknik adalah melebihi 90.0 peratus, masing-masing 94.2 peratus (6,095 graduan) dan 91.4 peratus (23,677 graduan).
- Terdapat empat (4) ILKA mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan antara 81.6 hingga 85.3 peratus, iaitu ILKBS (85.3%; 2,619 graduan), ILKA KSM (84.8%; 4,903 graduan), ILKA KPLB (83.6%; 14,564 graduan) dan kolej vokasional (81.6%; 9,529 graduan). Bagi graduan ILKA KKR, ILKA MOTAC dan ILKAP MAFI, kadar kebolehpasaran graduan yang dicatatkan adalah di antara 63.7 hingga 68.0 peratus.
- Merujuk **Jadual 3a**, terdapat dua (2) ILKA yang mencatatkan kadar bekerja melebihi 70.0 peratus iaitu kolej komuniti (74.4%; 4,815 graduan) dan ILKBS (70.2%; 2,155 graduan).
- Bagi tiga (3) ILKA yang mempunyai graduan TVET terbesar, iaitu politeknik, ILKA KPLB dan kolej vokasional, kadar bekerja yang dicatatkan adalah antara 61.7 hingga 69.2 peratus. Kadar bekerja graduan politeknik adalah 69.2 peratus (17,921 graduan) diikuti graduan ILKA KPLB (61.7%; 10,748 graduan) dan bagi kolej vokasional sebanyak 66.6 peratus (7,779 graduan).
- Peratus tertinggi belum bekerja adalah graduan ILKAP MAFI iaitu 36.3 peratus (301 graduan), diikuti graduan ILKA MOTAC (32.8%; 20 graduan) dan ILKA KKR (32.0%; 40 graduan).
- Graduan ILKA KPLB pula cenderung untuk melanjutkan pengajian (19.4%; 3,378 graduan), diikuti graduan politeknik (4,932 graduan) dan kolej komuniti (1,228 graduan) iaitu mewakili 19.0 peratus daripada jumlah responden masing-masing.

Jadual 3a


Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja (%)
Kolej komuniti	6,471	74.4	19.0	0.1	0.7	5.8
Politeknik	25,901	69.2	19.0	0.3	2.9	8.6
ILKBS	3,070	70.2	13.1	0.2	1.8	14.7
ILKA KSM	5,781	64.4	18.7	0.3	1.5	15.2
ILKA KPLB	17,414	61.7	19.4	0.7	1.8	16.4
Kolej vokasional	11,675	66.6	4.7	0.6	9.7	18.4
ILKA KKR	125	57.6	7.2	-	3.2	32.0
ILKA MOTAC	61	45.9	6.6	8.2	6.6	32.8
ILKAP MAFI	830	47.6	12.3	0.4	3.5	36.3
Keseluruhan	71,328	66.8	16.4	0.4	3.4	13.0

3.2.2 Kadar Kebolehpasaran dan Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 3.2.2

Kadar Kebolehpasaran Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian











- Kadar kebolehpasaran graduan bidang sastera & kemanusiaan adalah yang tertinggi, iaitu 90.5 peratus (2,566 graduan), diikuti sains sosial, perniagaan & perundangan (88.8%; 7,901 graduan), sains, matematik & komputer (87.6%; 3,971 graduan) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 87.1 peratus (39,177 graduan).

n= Jumlah responden

- Merujuk kepada **Jadual 3b**, graduan bidang sastera & kemanusiaan mencatatkan peratus bekerja tertinggi iaitu 74.7 peratus (2,118 graduan), diikuti graduan kesihatan & kebajikan (73.4%; 105 graduan) dan perkhidmatan sebanyak 72.1 peratus (5,572 graduan). Peratus bekerja bagi graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan pula adalah 65.0 peratus (29,257 graduan).
- Bagi status belum bekerja, terdapat dua (2) bidang yang mencatat peratusan melebihi 20 peratus iaitu bidang pertanian & veterinar (26.6%; 422 graduan) dan pendidikan (21.1%; 131 graduan).
- Graduan sains, matematik & komputer mencatatkan peratus tertinggi bagi status melanjutkan pengajian iaitu sebanyak 19.4 peratus (880 graduan), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (18.1%; 8,124 graduan) dan sastera & kemanusiaan (13.4%; 380 graduan).


Jadual 3b
Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja (%)
 Sastera dan kemanusiaan	2,836	74.7	13.4	0.5	1.9	9.5
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	8,895	71.2	12.7	0.1	4.9	11.2
 Sains, matematik dan komputer	4,534	64.0	19.4	0.5	3.7	12.4
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	44,981	65.0	18.1	0.5	3.5	12.9
 Kesihatan dan kebajikan	143	73.4	4.2	1.4	7.7	13.3
 Perkhidmatan	7,731	72.1	12.1	0.3	1.5	14.0
 Pendidikan	621	66.7	8.2	0.5	3.5	21.1
 Pertanian dan veterinar	1,587	58.9	11.0	0.6	3.0	26.6
Keseluruhan	71,328	66.8	16.4	0.4	3.4	13.0

3.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 3.2.3

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian



n= Jumlah responden

- Kadar kebolehpasaran graduan bagi semua peringkat pengajian adalah melebihi 84.0 peratus.
- Graduan peringkat ijazah pertama merekodkan peratus tertinggi, iaitu 93.3 peratus (125 graduan), diikuti diploma (88.4%; 38,801 graduan), diploma lanjutan (86.7%; 39 graduan) dan sijil, (84.7%; 23,077 graduan).

3.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

Jadual 3c

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

Pendapatan bulanan keluarga	n	GE (%)
RM4,000 dan ke bawah	60,710	86.7
RM500 dan ke bawah	4,809	79.5
RM501 - RM1,000	9,292	82.3
RM1,001 - RM1,500	14,880	87.1
RM1,501 - RM2,000	11,543	88.6
RM2,001 - RM2,500	6,797	88.6
RM2,501 - RM3,000	7,407	90.0
RM3,001 - RM4,000	5,982	88.7
RM4,001 - RM8,500	8,158	88.7
RM4,001 - RM5,000	4,526	88.4
RM5,001 - RM8,500	3,632	89.1
RM8,501 dan ke atas	2,195	88.5

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan


- Kadar kebolehpasaran graduan daripada julat pendapatan keluarga RM4,000 dan ke bawah ialah 86.7 peratus (52,640 graduan). Kumpulan ini mewakili 85.4 peratus graduan TVET tahun 2020.
- Seterusnya julat pendapatan keluarga RM4,001 - RM8,500 pula merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 88.7 peratus (7,236 graduan).
- Sebilangan graduan yang berada dalam julat pendapatan keluarga RM8,500 & ke atas pula mencatat kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 88.5 peratus (1,942 graduan).

3.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin

- Sebanyak empat (4) negeri mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus. Negeri Johor merekodkan kadar tertinggi dengan 93.2 peratus (7,147 graduan), diikuti WP Putrajaya (92.3%; 239 graduan), Melaka (91.3%; 2,437 graduan) dan Selangor (91.1%; 10,950 graduan).
- Terdapat dua (2) negeri merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 80.0 peratus, iaitu WP Labuan (79.9%) dan Sabah (72.8%).

Carta 3.2.4

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

Nota:


1) Seramai 25 graduan bermastautin di luar negara. Kadar kebolehpasaran graduan adalah 96.0 peratus

2) Seramai 263 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

3.3 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama

3.3.1 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama

Carta 3.3 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama



- Graduan ijazah pertama yang semuanya merupakan graduan politeknik mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 93.3 peratus (daripada 134 graduan).
- Sebahagian besar graduan telah bekerja (86.6%; 116 graduan), diikuti menunggu penempatan pekerjaan (3.7%) dan melanjutkan pengajian (3.0%).
- Sebanyak 6.7 peratus (9 graduan) pula belum bekerja.
- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki ialah 94.5 peratus (87.3 peratus bekerja) dan bagi graduan perempuan ialah sebanyak 92.4 peratus (86.1 peratus bekerja).





n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.3.2 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama Mengikut Bidang Pengajian

- Kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama dari bidang sastera & kemanusiaan (19 graduan) dan bidang perkhidmatan (30 graduan) adalah 100 peratus.
- Peratus yang berstatus bekerja bagi graduan bidang sastera & kemanusiaan adalah 94.7 peratus (18 graduan), perkhidmatan (96.7%; 29 graduan), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (84.1%; 53 graduan) dan sains sosial, perniagaan & perundangan (72.7%; 16 graduan).
- Kadar belum bekerja graduan ijazah pertama bidang sains sosial, perniagaan & perundangan ialah 22.7 peratus (5 graduan) manakala graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan ialah sebanyak 6.3 peratus (4 graduan).

Jadual 3d

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Ijazah Pertama Mengikut Bidang Pengajian


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja (%)
 Sastera dan kemanusiaan	19	100.0	94.7	5.3	-	-
 Perkhidmatan	30	100.0	96.7	3.3	-	-
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	63	93.7	84.1	1.6	7.9	6.3
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	22	77.3	72.7	4.5	-	22.7
Keseluruhan	134	93.3	86.6	3.0	3.7	6.7

n= Jumlah responden
 GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5

Carta 3.4

Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5



n= Jumlah responden
 GE= Kadar kebolehpasaran graduan

- Kadar kebolehpasaran graduan diploma lanjutan ialah 86.7 peratus (75.6 peratus bekerja) manakala sebanyak 13.3 peratus belum bekerja.
- Graduan lelaki merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 88.2 peratus (79.4 peratus bekerja) berbanding graduan perempuan, iaitu 81.8 peratus (63.6 peratus bekerja).

3.4.1 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5 Mengikut Kategori ILKA

- Kebanyakan graduan peringkat diploma lanjutan pada tahun 2020 adalah merupakan keluaran ILKA KSM (42 graduan) dan selebihnya (3 graduan) adalah keluaran ILKBS.
- Kadar kebolehpasaran graduan diploma lanjutan ILKA KSM ialah sebanyak 85.7 peratus (78.6 peratus bekerja; 33 graduan), manakala bagi graduan ILKBS adalah 100 peratus dengan 33.3 peratus (seorang) bekerja dan 66.7 peratus (2 graduan) melanjutkan pengajian.

Jadual 3e

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
ILKA KSM	42	85.7	78.6	4.8	2.4	14.3
ILKBS	3	100.0	33.3	66.7	-	-
Keseluruhan	45	86.7	75.6	8.9	2.2	13.3



GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.4.2 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5 Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat dua (2) bidang pengajian yang diikuti oleh graduan diploma lanjutan; sains, matematik & komputer, dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Kesemua graduan bidang sains, matematik & komputer telah bekerja (5 graduan).
- Bagi graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan pula, sebanyak 72.5 peratus (29 graduan) telah bekerja, melanjutkan pengajian (10.0%; 4 graduan), menunggu penempatan pekerjaan (2.5%; seorang) dan belum bekerja (15.0%; 6 graduan).

Jadual 3f

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma Lanjutan/Tahap 5 Mengikut Bidang Pengajian


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
 Sains, matematik dan komputer	5	100.0	100.0	-	-	-
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	40	85.0	72.5	10.0	2.5	15.0
Keseluruhan	45	86.7	75.6	8.9	2.2	13.3

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4

Carta 3.5

Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4



- Kadar kebolehpasaran graduan diploma ialah 88.4 peratus iaitu 68.9 peratus bekerja, melanjutkan pengajian (14.4%), menunggu penempatan pekerjaan (4.6%) dan meningkatkan kemahiran (0.5%).
- Selebihnya, 11.6 peratus graduan diploma belum bekerja.
- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki ialah 88.7 peratus (69.8 peratus bekerja), iaitu 0.8 peratus melebihi kadar yang direkodkan oleh graduan perempuan.

n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5.1 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Kategori ILKA

- Graduan peringkat diploma kolej komuniti merekodkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu 97.7 peratus (210 graduan) diikuti politeknik (91.4%; 23,484 graduan) dan ILKBS (91.0%; 883 graduan).
- Graduan kolej komuniti juga merekodkan peratus bekerja tertinggi, iaitu 92.6 peratus (199 graduan). Graduan ILKBS dan ILKA KSM pula merekodkan peratus bekerja melebihi 75.0 peratus, iaitu masing-masing sebanyak 76.2 peratus (739 graduan) dan 75.4 peratus (1,648 graduan). Manakala graduan politeknik mencatatkan sebanyak 69.1 peratus (17,740 graduan) telah bekerja.
- Kadar tertinggi belum bekerja bagi graduan diploma ialah ILKA MOTAC (34.6%; 18 graduan), diikuti graduan ILKAP MAFI (22.1%; 15 graduan), kolej vokasional (18.4%; 2,146 graduan) dan ILKA KSM sebanyak 15.1 peratus (329 graduan).
- Bagi status melanjutkan pengajian, kadar tertinggi ialah graduan politeknik, iaitu 19.2 peratus (4,927 graduan), diikuti ILKA KPLB, ILKAP MAFI dan ILKBS yang merekodkan antara 12.4 hingga 17.5 peratus.

(%)

ILKA	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kolej komuniti	215	97.7	92.6	4.2	-	0.9	2.3
Politeknik	25,685	91.4	69.1	19.2	0.3	2.9	8.6
ILKBS	970	91.0	76.2	12.4	0.3	2.2	9.0
ILKA KPLB	3,050	90.2	68.4	17.5	2.0	2.3	9.8
ILKA KSM	2,185	84.9	75.4	7.9	0.2	1.4	15.1
Kolej vokasional	11,675	81.6	66.6	4.7	0.6	9.7	18.4
ILKAP MAFI	68	77.9	60.3	16.2	-	1.5	22.1
ILKA MOTAC	52	65.4	51.9	3.8	3.8	5.8	34.6
Keseluruhan	43,900	88.4	68.9	14.4	0.5	4.6	11.6








GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.5.2 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Bidang Pengajian

- Hampir semua bidang pengajian mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 85.0 peratus kecuali bidang pertanian & veterinar (82.0%). Graduan bidang sastera & kemanusiaan merekodkan kadar tertinggi iaitu 90.2 peratus (78.2 peratus bekerja; 1,105 graduan). Ini diikuti graduan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan sebanyak 88.8 peratus (71.3 peratus bekerja; 6,253 graduan) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 88.7 peratus (67.4 peratus bekerja; 18,059 graduan).
- Graduan diploma dari bidang sains, matematik & komputer lebih cenderung untuk melanjutkan pengajian, iaitu sebanyak 16.3 peratus (544 graduan), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (16.0%; 4,275 graduan) dan graduan sains sosial, perniagaan & perundangan (12.5%; 1,101 graduan).
- Graduan diploma bidang pertanian & veterinar mencatatkan peratus tertinggi belum bekerja, iaitu 18.0 peratus (143 graduan), diikuti bidang perkhidmatan (14.5%; 383 graduan) dan bidang kesihatan & kebajikan sebanyak 13.3 peratus (19 graduan).

Jadual 3h
Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Diploma/Tahap 4 Mengikut Bidang Pengajian

(%)


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
 Sastera dan kemanusiaan	1,413	90.2	78.2	7.9	0.6	3.4	9.8
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	8,776	88.8	71.3	12.5	0.1	4.9	11.2
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	26,794	88.7	67.4	16.0	0.6	4.8	11.3
 Sains, matematik dan komputer	3,345	87.6	66.4	16.3	0.5	4.4	12.4
 Kesihatan dan kebajikan	143	86.7	73.4	4.2	1.4	7.7	13.3
 Perkhidmatan	2,634	85.5	74.5	7.9	0.3	2.7	14.5
 Pertanian dan veterinar	795	82.0	69.6	9.3	0.8	2.4	18.0
Keseluruhan	43,900	88.4	68.9	14.4	0.5	4.6	11.6

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 – 3

Carta 3.6

Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3



- Sebanyak 63.2 peratus graduan peringkat sijil telah bekerja, diikuti 19.6 peratus melanjutkan pengajian, 1.5 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan dan 0.3 peratus mengikuti program bagi meningkatkan kemahiran.
- Peratus graduan yang belum bekerja pula ialah sebanyak 15.3 peratus.

n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.1 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Kategori ILKA

- Lima (5) ILKA yang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi bagi peringkat sijil ialah kolej komuniti (94.1%; 5,885 graduan), ILKA KSM (84.7%; 3,011 graduan), politeknik (82.9%; 68 graduan), ILKBS (82.6%; 1,733 graduan) dan ILKA KPLB (82.2%; 11,812 graduan).
- Bagi kadar belum bekerja, terdapat tiga (3) ILKA mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu ILKAP MAFI (37.5%; 286 graduan), diikuti ILKA KKR (32.0%; 40 graduan) dan ILKA MOTAC (22.2%; 2 graduan).
- Graduan ILKA KSM merekodkan peratus tertinggi melanjutkan pengajian, iaitu 25.4 peratus (904 graduan), diikuti ILKA MOTAC (22.2%; 2 graduan) dan ILKA KPLB (19.8%; 2,844 graduan).
- Peratusan tertinggi bagi meningkatkan kemahiran ialah graduan ILKA MOTAC, iaitu sebanyak 33.3 peratus (3 graduan).

Jadual 3i

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja (%)
Kolej komuniti	6,256	94.1	73.8	19.5	0.1	0.7	5.9
ILKA KSM	3,554	84.7	57.4	25.4	0.3	1.5	15.3
Politeknik	82	82.9	79.3	1.2	-	2.4	17.1
ILKBS	2,097	82.6	67.5	13.4	0.1	1.7	17.4
ILKA KPLB	14,364	82.2	60.3	19.8	0.5	1.7	17.8
ILKA MOTAC	9	77.8	11.1	22.2	33.3	11.1	22.2
ILKA KKR	125	68.0	57.6	7.2	-	3.2	32.0
ILKAP MAFI	762	62.5	46.5	11.9	0.4	3.7	37.5
Keseluruhan	27,249	84.7	63.2	19.6	0.3	1.5	15.3








GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.6.2 Status Pekerjaan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3 Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat dua (2) bidang pengajian yang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan yang sama, iaitu sebanyak 90.7 peratus bagi bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (88 graduan) dan bidang sastera & kemanusiaan (1,273 graduan).
- Kadar bekerja tertinggi adalah graduan bidang sastera & kemanusiaan, iaitu 70.9 peratus (995 graduan), diikuti perkhidmatan (70.7%; 3,580 graduan) dan pendidikan (66.7%; 414 graduan).
- Graduan bidang sains, matematik & komputer didapati cenderung untuk melanjutkan pengajian, iaitu 28.4 peratus (336 graduan), diikuti sains sosial, perniagaan & perundangan (24.7%; 24 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.3%; 3,844 graduan).

Jadual 3j
**Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Peringkat Sijil/Tahap 1 – 3
Mengikut Bidang Pengajian**

(%)

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	97	90.7	64.9	24.7	-	1.0	9.3
 Sastera dan kemanusiaan	1,404	90.7	70.9	19.0	0.3	0.5	9.3
 Sains, matematik dan komputer	1,184	87.5	57.2	28.4	0.3	1.6	12.5
 Perkhidmatan	5,067	86.2	70.7	14.4	0.2	0.9	13.8
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	18,084	84.7	61.5	21.3	0.4	1.6	15.3
 Pendidikan	621	78.9	66.7	8.2	0.5	3.5	21.1
 Pertanian dan veterinar	792	64.8	48.2	12.6	0.4	3.5	35.2
Keseluruhan	27,249	84.7	63.2	19.6	0.3	1.5	15.3

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

BAB 4

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET 2020

- Taraf Pekerjaan
- Taraf Jawatan
- Kumpulan Pekerjaan Utama
- Sektor Pekerjaan
- Pendapatan Bulanan
- Sektor Ekonomi

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET 2019-2020

Taraf pekerjaan graduan TVET 2019-2020

Taraf pekerjaan	2019 (n= 54,821)	2020 (n= 47,635)
Pekerja swasta (termasuk NGO)	75.0	71.6
Pekerja kerajaan	3.3	3.3
Bekerja dengan keluarga	6.1	6.9
Usahawan	15.5	18.3
Bekerja sendiri	9.9	12.1
Majikan	3.7	4.0
Freelance	1.9	2.2

- Peratus graduan yang menjadi usahawan (bekerja sendiri, majikan dan freelance) meningkat sebanyak 2.7% (2020; 18.3%) berbanding 2019 (15.5%).

Tahap kemahiran

	2019	2020
Mahir	47.0%	43.9%
Separuh Mahir	46.3%	48.2%
Berkemahiran rendah	6.7%	7.9%

Nota: Tidak termasuk angkatan tentera

Sektor industri

	Pertanian	Perlombongan & Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
2019	2.2%	0.2%	20.7%	6.2%	70.7%
2020	2.6%	0.2%	22.6%	5.7%	68.9%

Pendapatan bulanan

Pendapatan bulanan	Ijazah pertama		Diploma lanjutan		Diploma		Sijil	
	2019 (n= 148)	2020 (n= 116)	2019 (n= 77)	2020 (n= 34)	2019 (n= 36,565)	2020 (n= 30,258)	2019 (n= 18,031)	2020 (n= 17,227)
RM1,000 dan ke bawah	7.4	10.3	2.6	-	18.0	16.6	26.1	29.4
RM1,001 - RM1,500	19.6	17.2	13.0	14.7	46.0	46.4	49.1	47.4
RM1,501 - RM2,000	19.6	26.7	32.5	38.2	24.2	26.2	18.1	15.8
RM2,001 - RM2,500	24.3	24.1	28.6	26.5	7.3	6.5	3.9	4.3
RM2,501 - RM3,000	12.8	10.3	19.5	17.6	2.6	2.5	1.4	1.8
RM3,001 - RM4,000	13.5	9.5	2.6	2.9	1.0	1.0	0.7	0.6
RM4,001 - RM5,000	2.0	1.7	1.3	-	0.5	0.4	0.4	0.4
RM5,001 - RM10,000	0.7	-	-	-	0.3	0.3	0.2	0.2
Lebih daripada RM10,000	-	-	-	-	0.1	0.1	0.1	0.1

- Sebanyak 46.4% graduan diploma berpendapatan bulanan RM1,001-RM1,500, meningkat sebanyak 0.4% pada tahun 2020 (2019: 46.0%).
- Graduan sijil yang memperoleh pendapatan RM1,001-RM1,500 menurun 1.7% iaitu kepada 47.4% (2019: 49.1%).

n= Jumlah responden

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET 2020

Bab ini memperincikan maklumat pekerjaan graduan TVET tahun 2020 yang telah bekerja. Antara maklumat yang dipaparkan adalah taraf pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan pekerjaan utama, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan (termasuk elaun) mengikut peringkat pengajian dan sektor ekonomi. Kumpulan pekerjaan utama dikategorikan kepada tiga (3) tahap kemahiran iaitu mahir, separuh mahir dan berkemahiran rendah. Bagi sektor ekonomi pula, ianya dikategorikan kepada lima (5) sektor iaitu pertanian, perlombongan & pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan.

4.1 Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

- Majoriti graduan TVET tahun 2020 adalah pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu sebanyak 71.6 peratus (34,090 graduan). Mengikut kategori ILKA, graduan ILKA KSM mencatat peratus tertinggi, 83.1 peratus (3,092 graduan), diikuti politeknik (77.3%; 13,851 graduan), kolej vokasional (75.5%; 5,807 graduan) dan kolej komuniti (72.4%; 3,487 graduan).
- Sebanyak 18.3 peratus (8,707 graduan) menjadi usahawan (termasuk bekerja sendiri, sebagai majikan atau *freelance*). Kadar yang dicatatkan oleh graduan ILKA KPLB adalah tertinggi, iaitu 33.0 peratus (3,542 graduan), diikuti ILKA MOTAC (32.1%; 9 graduan) dan kolej komuniti (18.5%; 889 graduan).
- Graduan ILKAP MAFI mencatatkan peratus tertinggi bekerja sebagai pekerja kerajaan, iaitu sebanyak 8.4 peratus (33 graduan). Walaubagaimana pun, graduan politeknik mencatatkan bilangan graduan tertinggi iaitu 4.3 peratus (777 graduan).

Jadual 4a

Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	Usahawan (%)			
					* Usahawan	Bekerja sendiri	Majikan	Freelance
ILKA KSM	3,722	83.1	4.0	3.1	9.8	6.0	2.6	1.2
Politeknik	17,921	77.3	4.3	5.6	12.8	9.2	1.8	1.7
Kolej vokasional	7,779	75.5	2.0	8.3	14.2	7.9	4.3	1.9
Kolej komuniti	4,815	72.4	2.6	6.5	18.5	13.8	2.3	2.4
ILKBS	2,155	72.4	3.6	5.4	18.5	12.6	4.2	1.7
ILKA KKR	72	70.8	1.4	2.8	25.0	9.7	9.7	5.6
ILKA MOTAC	28	64.3	3.6	-	32.1	10.7	14.3	7.1
ILKAP MAFI	395	56.2	8.4	11.4	24.1	17.2	5.3	1.5
ILKA KPLB	10,748	55.2	2.3	9.5	33.0	21.2	8.3	3.5
Keseluruhan	47,635	71.6	3.3	6.9	18.3	12.1	4.0	2.2

* Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran

4.1.1 Taraf Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan ijazah pertama mencatatkan peratus tertinggi sebagai pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu 81.9 peratus (95 graduan), diikuti diploma lanjutan (82.4%; 28 graduan), diploma (77.1%; 23,330 graduan) dan sijil (61.7%; 10,637 graduan).
- Graduan peringkat sijil mencatatkan peratus tertinggi menjadi usahawan, iaitu 27.0 peratus (4,657 graduan), diikuti diploma (13.3%; 4,034 graduan), diploma lanjutan (11.8%; 4 graduan) dan ijazah pertama (10.3%; 12 graduan).
- Sebanyak 5.9 peratus (2 graduan) diploma lanjutan adalah bekerja dengan keluarga manakala lain-lain peringkat pengajian mencatatkan kurang daripada 4.5 peratus (1,568 graduan).

Jadual 4b

Taraf Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Bekerja dengan keluarga	Pekerja kerajaan	*Usahawan	Usahawan (%)		
						Bekerja sendiri	Majikan	Freelance
Ijazah pertama	116	81.9	3.4	4.3	10.3	6.0	0.9	3.4
Diploma lanjutan	34	82.4	-	5.9	11.8	11.8	-	-
Diploma	30,258	77.1	6.1	3.5	13.3	8.8	2.8	1.8
Sijil	17,227	61.7	8.2	3.0	27.0	18.1	6.1	2.8
Keseluruhan	47,635	71.6	6.9	3.3	18.3	12.1	4.0	2.2

* Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran

4.2 Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

- Secara keseluruhan, sebanyak 52.6 peratus (18,759 graduan) keluaran ILKA tahun 2020 mendapat pekerjaan tetap. Graduan ILKA KSM mencatatkan peratus tertinggi, iaitu sebanyak 63.3 peratus (2,053 graduan), diikuti kolej komuniti (61.1%; 2,206 graduan) dan graduan ILKBS (58.5%; 959 graduan).
- Graduan ILKA MOTAC mencatatkan peratus tertinggi sebagai pekerja kontrak, iaitu 57.9 peratus (11 graduan), diikuti ILKA KKR (48.1%; 25 graduan) dan ILKA KPLB (34.5%; 2,134 graduan). Walau bagaimanapun, bilangan graduan politeknik adalah yang tertinggi sebagai pekerja kontrak, iaitu 3,675 graduan.
- Bagi pekerja bertaraf sementara, peratus tertinggi direkodkan oleh graduan kolej vokasional, iaitu 30.9 peratus (1,860 graduan), diikuti ILKAP MAFI (28.2%; 72 graduan) dan ILKA KPLB (22.5%; 1,393 graduan).

Jadual 4c

Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

(%)

ILKA	Jumlah responden	Taraf jawatan		
		Tetap	Kontrak	Sementara
Politeknik	14,628	54.0	25.1	20.8
Kolej komuniti	3,611	61.1	18.3	20.6
ILKA KSM	3,241	63.3	22.5	14.2
ILKBS	1,639	58.5	28.2	13.3
ILKAP MAFI	255	41.6	30.2	28.2
ILKA MOTAC	19	26.3	57.9	15.8
Kolej vokasional	6,029	47.2	21.9	30.9
ILKA KPLB	6,186	43.0	34.5	22.5
ILKA KKR	52	34.6	48.1	17.3
Keseluruhan	35,660	52.6	25.5	21.9

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.2.1 Taraf Jawatan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Sebanyak 53.0 peratus graduan ijazah pertama menjawat jawatan tetap, diikuti kontrak 32.0 peratus (32 graduan) dan sementara sebanyak 15.0 peratus (15 graduan).
- Bagi graduan diploma lanjutan pula, sebanyak 60.0 peratus (18 graduan) merupakan pekerja tetap, diikuti bekerja secara kontrak (36.7%; 11 graduan) dan selebihnya 3.3 peratus (1 graduan) ialah pekerja sementara.
- Bagi graduan diploma, peratus tertinggi juga adalah pekerja tetap, iaitu sebanyak 53.3 peratus (12,993 graduan), diikuti pekerja kontrak (24.7%; 6,019 graduan) dan pekerja sementara sebanyak 22.0 peratus (5,363 graduan).
- Graduan peringkat sijil yang bekerja sebagai pekerja tetap adalah sebanyak 51.1 peratus (95,695 graduan), diikuti kontrak (27.2%; 3,032 graduan) dan pekerja sementara sebanyak 21.8 peratus (2,428 graduan).

Jadual 4d

Taraf Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Taraf jawatan (%)		
		Tetap	Kontrak	Sementara
Ijazah pertama	100	53.0	32.0	15.0
Diploma lanjutan	30	60.0	36.7	3.3
Diploma	24,375	53.3	24.7	22.0
Sijil	11,155	51.1	27.2	21.8
Keseluruhan	35,660	52.6	25.5	21.9

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.3 Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

- Sebanyak 62.1 peratus (22,146 graduan) bekerja dalam sektor swasta tempatan, diikuti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) 19.1 peratus (6,819 graduan) dan sektor swasta multinasional 11.8 peratus (4,206 graduan). Secara keseluruhan, penyertaan graduan TVET dalam sektor kerajaan, badan berkanun, dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah kurang daripada 3.0 peratus (919 graduan).
- Sektor swasta tempatan menyumbang lebih daripada 73 peratus (2,642 graduan) kepada graduan kolej komuniti dan ILKA KKR (40 graduan).
- Bagi sektor NGO, sebanyak 36.8 peratus graduan ILKA MOTAC bekerja di dalam sektor ini tetapi bilangannya adalah kecil iaitu mewakili 7 graduan sahaja. Seterusnya adalah graduan ILKBS 21.8 peratus (358 graduan), ILKAP MAFI 21.6 peratus (55 graduan) serta ILKA KPLB sebanyak 21.4 peratus (1,325 graduan).
- Peratus tertinggi yang bekerja dalam sektor kerajaan (termasuk kerajaan persekutuan, kerajaan negeri/tempatan dan badan berkanun) adalah graduan ILKAP MAFI, iaitu sebanyak 12.9 peratus (33 graduan), diikuti politeknik 5.3 peratus (777 graduan) dan ILKA MOTAC 5.3 peratus (1 graduan).

Jadual 4e

Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

ILKA	Jumlah responden	Swasta tempatan	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	Swasta multi-nasional	Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri/Tempatan	Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	Badan berkanun
Politeknik	14,628	56.8	20.6	14.2	2.2	2.1	3.1	1.0
ILKA KPLB	6,186	63.7	21.4	8.1	2.0	1.6	2.7	0.4
Kolej vokasional	6,029	65.0	20.3	10.4	0.9	1.4	1.8	0.3
Kolej komuniti	3,611	73.2	12.2	9.3	2.0	1.0	1.9	0.4
ILKA KSM	3,241	67.8	12.1	13.8	2.1	2.2	1.7	0.3
ILKBS	1,639	57.5	21.8	12.8	2.1	2.0	3.2	0.7
ILKAP MAFI	255	57.3	21.6	5.5	4.3	7.5	2.7	1.2
ILKA KKR	52	76.9	13.5	1.9	1.9	-	5.8	-
ILKA MOTAC	19	57.9	36.8	-	-	5.3	-	-
Keseluruhan	35,660	62.1	19.1	11.8	1.9	1.8	2.6	0.6

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.3.1 Sektor Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Sektor swasta tempatan merupakan sektor utama pekerjaan bagi semua peringkat pengajian, iaitu sebanyak 67.9 peratus (7,572 graduan) bagi graduan sijil, 67.0 peratus bagi peringkat ijazah pertama (67 graduan) dan diploma pula sebanyak 59.5 peratus (14,501 graduan).
- Bagi graduan lulusan diploma lanjutan, sebanyak 56.7 peratus (17 graduan) bekerja dalam sektor swasta multinasional, diikuti swasta tempatan (20.0%; 6 graduan) dan NGO (10.0%; 3 graduan).

Jadual 4f

Sektor Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Sektor pekerjaan	Ijazah pertama (n= 100)	Diploma lanjutan (n= 30)	Diploma (n= 24,375)	Sijil (n= 11,155)	Keseluruhan (n= 35,660)
Swasta tempatan	67.0	20.0	59.5	67.9	62.1
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	16.0	10.0	20.3	16.6	19.1
Swasta multinasional	8.0	56.7	13.2	8.6	11.8
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	4.0	6.7	2.7	2.3	2.6
Kerajaan Persekutuan	2.0	6.7	1.8	2.3	1.9
Kerajaan Negeri/Tempatan	3.0	-	1.7	2.0	1.8
Badan berkanun	-	-	0.8	0.4	0.6


Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.4 Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020

- Terdapat tiga (3) kumpulan pekerjaan utama iaitu:
 - i) **mahir** yang terdiri daripada kumpulan pengurus, profesional dan kumpulan juruteknik & profesional bersekutu;
 - ii) **separuh mahir** yang merangkumi kumpulan pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan, kumpulan pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan kumpulan operator mesin & loji; dan
 - iii) **berkemahiran rendah** merangkumi graduan pekerja asas
- Daripada 38,783 graduan (tidak termasuk angkatan tentera: 145 graduan), sebanyak 48.1 peratus (18,674 graduan) merupakan pekerja separuh mahir, diikuti sebanyak 43.9 peratus (17,029 graduan) adalah pekerja mahir dan selebihnya iaitu 7.9 peratus (3,080 graduan) merupakan pekerja berkemahiran rendah.
- Mengikut kumpulan pekerjaan, peratus tertinggi adalah dalam kumpulan juruteknik & profesional bersekutu, iaitu sebanyak 29.6 peratus (11,531 graduan), diikuti kumpulan pekerja perkhidmatan & jualan (16.8%; 6,527 graduan), profesional (12.4%; 4,812 graduan) dan pekerja sokongan & perkeranian sebanyak 11.8 peratus (4,585 graduan).

Carta 4.1

Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan TVET 2020



4.4.1 Kumpulan Pekerjaan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Sebanyak 55.8 peratus (58 graduan) graduan ijazah pertama bekerja dalam kumpulan profesional, diikuti kumpulan juruteknik & profesional bersekutu (18.3%; 19 graduan), dan pekerja perkhidmatan & jualan sebanyak 8.7 peratus (9 graduan).
- Secara keseluruhan, kumpulan juruteknik & profesional bersekutu merupakan kumpulan pekerjaan utama graduan kecuali peringkat ijazah pertama. Graduan diploma lanjutan mencatat sebanyak 46.7 peratus (14 graduan), diploma (32.8%; 8,607 graduan) dan sijil (23.0%; 2,891 graduan).

(%)

Kumpulan pekerjaan	Ijazah pertama (n= 104)	Diploma lanjutan (n= 30)	Diploma (n= 26,224)	Sijil (n= 12,570)
Pengurus	4.8	-	2.1	1.1
Profesional	55.8	30.0	13.8	8.9
Juruteknik dan profesional bersekutu	18.3	46.7	32.8	23.0
Pekerja sokongan perkeranian	7.7	6.7	14.6	5.9
Pekerja perkhidmatan dan jualan	8.7	3.3	15.4	19.7
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	-	-	0.4	0.6
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	-	-	6.4	18.9
Operator mesin dan loji, dan pemasang	1.9	13.3	7.5	10.7
Pekerja asas	1.9	-	6.6	10.7
Angkatan tentera	1.0	-	0.3	0.5

Nota: Tidak termasuk graduan yang bekerja sendiri, majikan dan *freelance*

4.5 Pendapatan Bulanan Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kategori ILKA

- Sebanyak 26.7 peratus (31 graduan) ijazah pertama memperoleh pendapatan bulanan RM1,501 – RM2,000, diikuti julat RM2,001 – RM2,500 (24.1%; 28 graduan) dan RM1,001 – RM1,500 (17.2%; 20 graduan).
- Julat pendapatan tertinggi bagi graduan diploma lanjutan ialah RM1,501 – RM2,000 (38.2%; 13 graduan), diikuti RM2,001 – RM2,500 (26.5%; 9 graduan) dan RM2,501 – RM3,000 sebanyak 17.6 peratus (6 graduan).
- Manakala bagi graduan diploma pula, sebanyak 46.4 peratus (14,051 graduan) dalam julat RM1,001 – RM1,500, diikuti RM1,501 – RM2,000 (26.2%; 7,919 graduan) dan sebanyak 16.6 peratus (5,022 graduan) ialah dalam julat RM1,000 & ke bawah.
- ILKA yang mempunyai bilangan graduan diploma tertinggi, iaitu politeknik (45.8%; 17,740 graduan) dan kolej vokasional (54.5%; 7,779 graduan) mencatatkan peratus tertinggi berada dalam julat pendapatan RM1,001 – RM1,500. Bagi graduan ILKA KSM, peratus tertinggi ialah dalam julat RM1,501 – RM2,000, iaitu 45.4 peratus (1,648 graduan).
- Graduan sijil turut mencatat peratus tertinggi dalam julat pendapatan RM1,001 – RM1,500, iaitu sebanyak 47.4 peratus (8,164 graduan). Manakala sebanyak 29.4 peratus (5,065 graduan) pada julat pendapatan RM1,000 & ke bawah dan RM1,501 – RM2,000 (15.8%; 2,727 graduan). Hampir semua graduan sijil mencatatkan peratus tertinggi dalam julat RM1,001 – RM1,500 kecuali graduan sijil politeknik, iaitu sebanyak 58.5 peratus (65 graduan) dalam julat RM1,000 & ke bawah.

(%)


Peringkat pengajian	ILKA	Jumlah responden	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM1,500	RM1,501 – RM2,000	RM2,001 – RM2,500	RM2,501 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 dan ke atas
Ijazah pertama	Politeknik	116	10.3	17.2	26.7	24.1	10.3	9.5	1.7	-
Diploma lanjutan	ILKA KSM	33	-	15.2	36.4	27.3	18.2	3.0	-	-
	ILKBS	1	-	-	100	-	-	-	-	-
	Keseluruhan	34	-	14.7	38.2	26.5	17.6	2.9	-	-
Diploma	Politeknik	17,740	15.1	45.8	27.6	7.0	2.6	1.1	0.4	0.4
	Kolej komuniti	199	17.6	35.7	26.1	15.1	1.5	2.0	1.5	0.5
	ILKA KSM	1,648	6.1	32.5	45.4	10.6	3.8	1.0	0.4	0.2
	ILKBS	739	6.9	32.1	38.8	13.3	4.9	2.8	0.9	0.3
	ILKAP MAFI	41	39.0	43.9	7.3	2.4	4.9	2.4	-	-
	ILKA MOTAC	27	40.7	44.4	7.4	3.7	-	-	-	3.7
	Kolej vokasional	7,779	23.6	54.5	16.7	3.0	1.2	0.6	0.1	0.3
	ILKA KPLB	2,085	13.8	39.0	30.2	8.8	4.8	1.6	1.1	0.7
	Keseluruhan	30,258	16.6	46.4	26.2	6.5	2.5	1.0	0.4	0.4
Sijil	Politeknik	65	58.5	35.4	3.1	1.5	1.5	-	-	-
	Kolej komuniti	4,616	22.2	56.1	14.9	4.1	1.6	0.7	0.3	0.2
	ILKA KSM	2,041	14.8	51.9	24.0	5.9	1.9	0.5	0.7	0.1
	ILKBS	1,415	18.2	44.7	27.8	6.6	1.8	0.5	0.2	0.1
	ILKAP MAFI	354	34.2	44.6	14.7	2.8	2.8	0.3	0.3	0.3
	ILKA MOTAC	1	-	-	-	-	100	-	-	-
	ILKA KPLB	8,663	38.2	42.4	12.4	3.7	1.8	0.6	0.4	0.5
	ILKA KKR	72	12.5	38.9	34.7	5.6	5.6	-	2.8	-
	Keseluruhan	17,227	29.4	47.4	15.8	4.3	1.8	0.6	0.4	0.3

4.6 Sektor Ekonomi Keseluruhan Graduan TVET 2020

- Sektor perkhidmatan menyumbang kepada peratusan pekerjaan tertinggi graduan, iaitu sebanyak 68.9 peratus (32,830 graduan), diikuti pembuatan, 22.6% (10,765 graduan), pembinaan, (5.7%; 2,720 graduan), pertanian (2.6%; 1,225 graduan) dan perlombongan & pengkuarian (0.2%; 95 graduan).
- Bagi sektor perkhidmatan, aktiviti ekonomi yang mencatatkan peratus tertinggi adalah aktiviti perkhidmatan lain, iaitu sebanyak 18.8 peratus (8,969 graduan) diikuti perdagangan jual borong & jual runcit, pembaikan kenderaan dan sektor penginapan & aktiviti-aktiviti perkhidmatan makanan, iaitu masing-masing 8.1 peratus.

Carta 4.2

Sektor Ekonomi Keseluruhan Graduan TVET 2020




Aktiviti ekonomi	Bil.	%
Aktiviti perkhidmatan lain	8,969	18.8
Perdagangan jual borong dan jual runcit, pembaikan kenderaan	3,874	8.1
Penginapan dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan makanan	3,838	8.1
Bekalan elektrik, gas, stim dan penyaman udara	3,709	7.8
Pengangkutan dan penyimpanan	1,702	3.6
Maklumat dan komunikasi	1,618	3.4
Profesional, aktiviti saintifik dan teknikal	1,602	3.4
Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri	1,578	3.3
Pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan	1,262	2.6
Pendidikan	1,112	2.3
Kewangan dan insurans / aktiviti takaful	861	1.8
Kesihatan manusia dan aktiviti kerja sosial	856	1.8
Seni, hiburan dan rekreasi	615	1.3
Aktiviti hartanah	334	0.7
Pentadbiran awam dan pertahanan: keselamatan sosial wajib	329	0.7
Aktiviti organisasi dan badan-badan luar wilayah	312	0.7
Bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti-aktiviti pemulihan	259	0.5

* Merujuk kepada sektor pertanian, perhutanan dan perikanan

BAB 5

**GRADUAN TVET 2020 YANG
MELANJUTKAN PENGAJIAN**

Kadar melanjutkan pengajian



Taburan graduan TVET yang melanjutkan pengajian mengikut jantina

Jantina	2019 (n= 15,385)	2020 (n= 14,490)
(Lelaki)	57.7%	58.2%
(Perempuan)	42.3%	41.8%

Kadar graduan TVET melanjutkan pengajian mengikut kategori ILKA

ILKA	2019 (%)	2020 (%)
Politeknik	19.7	23.2
Kolej komuniti	25.4	21.5
ILKA KSM	20.6	21.2
ILKBS	23.0	18.6
ILKAP MAFI	22.9	18.9
ILKA MOTAC	10.4	8.2
Kolej vokasional	10.3	7.5
ILKA KPLB	28.2	24.4
ILKA KKR	28.6	10.4

Kadar graduan TVET yang melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	2019		2020	
	n	Bidang yang sama (%)	n	Bidang yang sama (%)
Ijazah pertama	4	100.0	7	100.0
Diploma lanjutan	9	100.0	5	100.0
Diploma	7,532	84.3	7,913	84.2
Sijil	7,466	85.0	6,565	82.6
Keseluruhan	15,011	84.6	14,490	83.5

Nota: Seramai 374 responden 2019 tiada maklumat

Alasan graduan TVET melanjutkan pengajian

Alasan melanjutkan pengajian	2019 (n= 15,011)	2020 (n= 14,368)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	31.4	30.4
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	20.9	21.5
Minat yang mendalam mencari ilmu	20.6	19.9
Prospek kerjaya yang lebih baik	12.1	12.8
Dorongan keluarga	10.8	11.3
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	2.6	2.5
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	1.0	1.1
Lain-lain	0.6	0.6

n= Jumlah responden

Nota: Seramai 374 responden 2019 dan 122 responden 2020 tiada maklumat


GRADUAN TVET 2020 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

Berdasarkan definisi operasi (OD) *National Graduate Employability Blueprint 2012–2017* Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), graduan yang melanjutkan pengajian termasuk dalam kategori kebolehpasaran graduan (*graduate employability, GE*). Bab ini akan memperihalkan mengenai graduan TVET tahun 2020 yang melanjutkan pengajian, termasuk juga graduan yang pada masa yang sama berada dalam kategori status bekerja, sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

5.1 Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Kategori ILKA dan Jantina

Carta 5.1

Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Kategori ILKA dan Jantina



- Secara keseluruhan, 20.3 peratus atau 14,490 graduan TVET tahun 2020 menyambung pengajian sejezus selepas menamatkan pengajian.
- Kadar melanjutkan pengajian bagi graduan lelaki ialah 20.2 peratus manakala bagi graduan perempuan ialah 20.5 peratus.
- Graduan ILKA KPLB merekodkan kadar tertinggi melanjutkan pengajian, iaitu 24.4 peratus, diikuti graduan politeknik (23.2%) dan kolej komuniti sebanyak 21.5 peratus.


ILKA	Jumlah responden	Kadar melanjutkan pengajian
ILKA KPLB	17,414	24.4% (4,257)
Politeknik	25,901	23.2% (6,002)
Kolej komuniti	6,471	21.5% (1,391)
ILKA KSM	5,781	21.2% (1,224)
ILKAP MAFI	830	18.9% (157)
ILKBS	3,070	18.6% (570)
ILKA KKR	125	10.4% (13)
ILKA MOTAC	61	8.2% (5)
Kolej vokasional	11,675	7.5% (871)
Keseluruhan	71,328	20.3% (14,490)

n= Jumlah responden

5.2 Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

Carta 5.2

Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)




- Peratus tertinggi melanjutkan pengajian adalah dalam kalangan graduan diploma (54.6%; 7,913 graduan), diikuti graduan sijil (45.3%; 6,565 graduan)
- Graduan ijazah pertama dan diploma lanjutan merekodkan kurang daripada 1.0 peratus.

n= Jumlah responden

5.3 Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan TVET 2020

Carta 5.3

Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan TVET 2020




- Sebanyak 49.3 peratus graduan TVET 2020 memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat diploma/tahap 4 (30.6%) dan peringkat sijil/tahap 3 sebanyak 15.0 peratus.

n= Jumlah responden

5.4 Tumpuan Utama bagi Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian

Carta 5.4

Tumpuan Utama bagi Graduan TVET 2020 yang Melanjutkan Pengajian



n= Jumlah responden

- Sebilangan besar graduan 2020 melanjutkan pengajian ke satu tahap yang lebih tinggi daripada sebelumnya.
- Sebanyak 71.4 peratus (5 graduan) ijazah pertama mendaftar pengajian di peringkat sarjana.
- Bagi graduan diploma lanjutan pula, sebanyak 60.0 peratus (3 graduan) melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama.
- Graduan diploma mencatat peratus tertinggi yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 82.6 peratus (6,536 graduan).
- Sebanyak 60.9 peratus (3,997 graduan) peringkat sijil yang melanjutkan pengajian ke peringkat diploma.

5.5 Graduan TVET 2020 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Jadual 5a

Graduan TVET 2020 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	Bil. responden	Bidang yang sama	
		Bil.	%
Ijazah pertama	7	7	100.0
Diploma lanjutan	5	5	100.0
Diploma	7,913	6,665	84.2
Sijil	6,565	5,420	82.6
Keseluruhan	14,490	12,097	83.5


- Semua graduan ijazah pertama dan diploma lanjutan memilih untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama.
- Graduan diploma dan sijil mencatatkan peratusan melebihi 80.0 peratus iaitu masing-masing sebanyak 84.2 peratus dan 82.6 peratus.

5.6 Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan TVET 2020

- Daripada jumlah graduan TVET 2020 yang melanjutkan pengajian iaitu 14,490 graduan, seramai 11,678 graduan atau 80.6 peratus adalah graduan yang sememangnya berada dalam kategori melanjutkan pengajian. Selebihnya adalah graduan yang pada masa yang sama bekerja, sedang meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan. Terdapat ramai yang tiada maklumat alasan melanjutkan pengajian memandangkan set soal selidik yang berbeza.
- Alasan utama kedua-dua kumpulan melanjutkan pengajian adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik (24.0 hingga 31.9 peratus). Ini diikuti meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan, minat yang mendalam mencari ilmu dan memperoleh prospek kerjaya yang lebih baik.

Carta 5.5

Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan TVET 2020



n= Jumlah responden

Nota:


- 1) Seramai 122 graduan tiada maklumat alasan melanjutkan pengajian (hanya sertai SKPG2.0)
- 2) Seramai 55 graduan ialah tidak berkenaan dengan kumpulan di atas

BAB 6

**GRADUAN TVET 2020 YANG
BELUM BEKERJA**

GRADUAN TVET 2019-2020 BELUM BEKERJA

Kadar belum bekerja



Tahun	Jumlah (n)	Lelaki (%)	Perempuan (%)
2019	74,743	6.6%	7.5%
2020	71,328	13.0%	14.3%

Taburan graduan TVET belum bekerja mengikut jantina

Jantina	2019 (n= 4,941)	2020 (n= 9,286)
(Lelaki)	51.4%	54.4%
(Perempuan)	48.6%	45.6%

Alasan graduan TVET belum bekerja

Alasan belum bekerja	2019 (n= 4,941)	2020 (n= 9,286)
Sedang mencari pekerjaan	64.4	67.2
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	8.2	7.5
Tanggungjawab terhadap keluarga	6.8	6.5
Berehat/melancong/bercuti	5.3	4.5
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	4.8	3.9
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	2.7	2.0
Memilih untuk tidak bekerja	2.0	2.6
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	2.0	1.7
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	1.3	1.3
Enggan berpindah ke tempat lain	1.2	1.0
Lain-lain	1.3	1.8

Kadar belum bekerja mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian	2019 (%)	2020 (%)
Ijazah pertama	3.8	6.7
Diploma lanjutan	3.4	13.3
Diploma	4.1	11.6
Sijil	10.8	15.3

Kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian

Bidang pengajian	2019 (%)	2020 (%)
Pendidikan	31.3	21.1
Pertanian dan veterinar	13.3	26.6
Perkhidmatan	6.6	14.0
Kesihatan dan kebajikan	3.1	13.3
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	6.4	12.9
Sains, matematik dan komputer	6.7	12.4
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	3.2	11.2
Sastera dan kemanusiaan	5.5	9.5

Kadar belum bekerja mengikut negeri bermastautin (5 tertinggi)

Negeri bermastautin	2019 (%)	2020 (%)
Sabah	9.7	27.2
Wilayah Persekutuan Labuan	8.4	20.1
Sarawak	7.8	16.8
Kelantan	10.4	16.4
Perlis	5.8	15.5
Terengganu	10.2	14.6

n= Jumlah responden

GRADUAN TVET 2020 YANG BELUM BEKERJA

Bab ini memaparkan maklumat graduan TVET tahun 2020 yang berada dalam kategori belum bekerja. Antara yang dibincangkan ialah alasan belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut kategori ILKA, peringkat pengajian, bidang pengajian, negeri bermastautin, penaja pengajian, dan pendapatan bulanan keluarga. Selain itu, kekerapan graduan menghadiri temu duga dan sumber graduan mendapatkan maklumat pekerjaan juga turut dipaparkan.

6.1 Alasan Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan TVET 2020

- Seramai 9,286 graduan atau mewakili 13.0 peratus graduan TVET tahun 2020 belum bekerja melengkapkan kaji selidik.
- Alasan utama yang diberikan adalah sedang mencari pekerjaan (67.2%), diikuti menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian (7.5%), tanggungjawab terhadap keluarga (6.5%) dan ingin berehat/melancong/bercuti (4.5%).
- Terdapat juga 3.9 peratus menyatakan kerja yang ditawarkan tidak sesuai dan 2.6 peratus memilih untuk tidak bekerja.

Carta 6.1

Alasan Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan TVET 2020




n= Jumlah responden

6.2 Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA

Carta 6.2

Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA




n= Jumlah responden

- Graduan kolej komuniti mencatat kadar belum bekerja terendah, iaitu 5.8 peratus (376 graduan), diikuti politeknik (8.6%; 2,224 graduan), ILKA KBS (14.7%; 451 graduan) dan ILKA KSM sebanyak 15.2 peratus (878 graduan).
- Terdapat tiga (3) ILKA yang mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 30 peratus, iaitu ILKAP MAFI (36.3%; 301 graduan), ILKA MOTAC (32.8%; 20 graduan) dan ILKA KKR (32.0%; 40 graduan).

6.3 Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 6.3

Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian











n= Jumlah responden

- Graduan sijil mencatat kadar tertinggi belum bekerja iaitu 15.3 peratus (4,172 graduan), diikuti graduan diploma lanjutan (13.3%; 6 graduan), dan diploma (11.6%; 5,099 graduan).
- Graduan peringkat ijazah pertama mencatat peratus terendah iaitu sebanyak 6.7 peratus (9 graduan).

6.4 Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Jadual 6a

Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020
Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Kadar belum bekerja
 Pertanian dan veterinar	1,587	26.6% (422)
 Pendidikan	621	21.1% (131)
 Perkhidmatan	7,731	14.0% (1,083)
 Kesihatan dan kebajikan	143	13.3% (19)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	44,981	12.9% (5,804)
 Sains, matematik dan komputer	4,534	12.4% (563)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	8,895	11.2% (994)
 Sastera dan kemanusiaan	2,836	9.5% (270)


- Bidang pertanian & veterinar mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu 26.6 peratus (422 graduan), diikuti graduan pendidikan (21.1%; 131 graduan), perkhidmatan (14.0%; 1,083 graduan), kesihatan & kebajikan (13.3%; 19 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 12.9 peratus (5,804 graduan).
- Kadar belum bekerja terendah adalah graduan bidang sastera & kemanusiaan, iaitu 9.5 peratus (270 graduan).

6.5 Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin

- Graduan yang bermastautin di Sabah mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu sebanyak 27.2 peratus, diikuti Wilayah Persekutuan Labuan (20.1%) dan Sarawak (16.8%).
- Tiga (3) negeri bermastautin yang merekodkan kadar belum bekerja terendah bagi graduan TVET adalah Johor (6.8%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.7%) dan Melaka (8.7%).

Carta 6.4

Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Seramai 25 graduan bermastautin di luar negara. Kadar kebolehpasaran graduan adalah 96.0 peratus
- 2) Seramai 263 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.6 Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

- Kadar belum bekerja bagi graduan dalam kategori RM4,000 & ke bawah ialah sebanyak 13.3 peratus, 11.3 peratus bagi kategori RM4,001 – RM8,500 dan 11.5 peratus bagi julat RM8,501 & ke atas.
- Bagi kumpulan terbesar kategori pendapatan bulanan, iaitu RM4,000 & ke bawah (mewakili 85% graduan TVET tahun 2020), kadar belum bekerja tertinggi ialah dalam julat pendapatan keluarga RM500 dan ke bawah (20.5%) dan RM501 – RM1,000, iaitu sebanyak 17.7 peratus.

Carta 6.5

Kadar Belum Bekerja Graduan TVET 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga



n= Jumlah responden


Nota: Seramai 265 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.7 Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja

- Sebanyak 58.9 peratus graduan yang belum bekerja pernah menghadiri temu duga sekurang-kurangnya sekali.
- Sebanyak 41.1 peratus pula tidak pernah menghadiri mana-mana temu duga pekerjaan.

Carta 6.6

Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja



n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Tidak melibatkan graduan yang Memilih untuk tidak bekerja/Tidak berminat untuk bekerja/Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)/Tidak dibenarkan untuk bekerja (undang-undang), iaitu seramai 503 graduan
- 2) Seramai 183 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.8 Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja

- Secara keseluruhan, sebanyak 35.8 peratus graduan TVET yang belum bekerja mendapatkan maklumat mengenai kekosongan pekerjaan melalui internet, diikuti 14.8 peratus melalui agensi pekerjaan, media sosial (14.1%) dan selebihnya menggunakan pelbagai kaedah lain.

Jadual 6b

Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja

ILKA	n	Internet	Agensi pekerjaan	Media sosial (fb, twitter, blog)	Rakan / Keluarga	Jobs Malaysia	Media elektronik	Media cetak	Karnival kerjaya	Pensyarah	Unit/ Pusat Kaunseling / Kerjaya	Persatuan/ Alumni	Lain-lain (%)
ILKA KPLB	2,596	32.4	8.6	13.1	23.3	9.9	3.0	3.4	1.6	0.7	0.4	0.3	3.0
Politeknik	2,077	37.7	24.7	12.0	6.1	14.6	1.7	1.1	1.1	0.1	0.05	-	0.7
Kolej vokasional	2,024	36.4	15.8	15.6	13.6	10.5	3.2	1.1	0.2	0.8	0.8	0.0	2.1
ILKA KSM	785	38.3	10.2	16.3	5.7	15.4	2.9	3.6	2.7	1.8	-	1.5	1.5
ILKBS	433	31.4	18.2	13.2	11.5	11.1	4.2	4.8	1.4	0.2	0.5	0.5	3.0
Kolej komuniti	332	44.6	8.1	20.5	13.3	7.8	0.9	1.5	-	0.9	-	0.3	2.1
ILKAP MAFI	296	37.8	8.4	13.5	11.8	18.6	3.4	3.0	0.3	1.0	-	-	2.0
ILKA KKR	38	28.9	5.3	15.8	23.7	13.2	-	-	-	-	-	-	13.2
ILKA MOTAC	19	31.6	-	36.8	5.3	21.1	-	-	-	-	5.3	-	-
Keseluruhan	8,600	35.8	14.8	14.1	13.9	12.0	2.7	2.3	1.1	0.7	0.4	0.3	2.1

n= Jumlah responden

Nota:

- Tidak melibatkan graduan yang Memilih untuk tidak bekerja/Tidak berminat untuk bekerja/Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)/Tidak dibenarkan untuk bekerja (undang-undang), iaitu seramai 503 graduan
- Seramai 183 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.9 Alasan Belum Bekerja Mengikuti Peringkat Pengajian bagi Graduan TVET 2020

- Secara keseluruhan, 67.2 peratus graduan TVET 2020 yang belum bekerja adalah sedang mencari pekerjaan. Majoriti graduan TVET yang belum bekerja adalah di kalangan yang memiliki diploma iaitu seramai 5,099 graduan. Dari jumlah tersebut, 70.7 peratus (3,605 graduan) sedang mencari pekerjaan.
- Hanya 7.5 peratus sedang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian, manakala 3.9 peratus menyatakan bahawa kerja yang ditawarkan tidak sesuai.
- Terdapat juga graduan yang memilih untuk tidak bekerja iaitu sebanyak 2.6 peratus.

Jadual 6c

Alasan Belum Bekerja Mengikuti Peringkat Pengajian bagi Graduan TVET 2020

Alasan belum bekerja	Ijazah pertama (n= 9)	Diploma lanjutan (n= 6)	Diploma (n= 5,099)	Sijil (n= 4,172)	Keseluruhan (n= 9,286)
Sedang mencari pekerjaan	33.3% (3)	66.7% (4)	70.7% (3,605)	63.1% (2,631)	67.2% (6,243)
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	-	-	10.0% (508)	4.4% (185)	7.5% (693)
Tanggungjawab terhadap keluarga	11.1% (1)	-	4.6% (235)	8.7% (364)	6.5% (600)
Berehat/melancong/bercuti	11.1% (1)	-	4.3% (218)	4.9% (203)	4.5% (422)
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	-	16.7% (1)	3.5% (180)	4.4% (184)	3.9% (365)
Memilih untuk tidak bekerja	44.4% (4)	-	1.9% (99)	3.3% (136)	2.6% (239)
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	-	16.7% (1)	1.4% (73)	2.7% (114)	2.0% (188)
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	-	-	0.9% (46)	2.6% (109)	1.7% (155)
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	-	-	0.7% (34)	2.1% (88)	1.3% (122)
Enggan berpindah ke tempat lain	-	-	0.8% (43)	1.2% (49)	1.0% (92)
Tidak berminat untuk bekerja	-	-	0.3% (15)	0.9% (37)	0.6% (52)
Tidak dibenarkan utk bekerja (undang-undang)	-	-	0.4% (18)	0.9% (39)	0.6% (57)
Masalah komunikasi/ <i>softskill</i>	-	-	0.1% (7)	0.6% (25)	0.3% (32)
Tamat kontrak	-	-	0.2% (10)	0.1% (4)	0.2% (14)
Diberhentikan kerja	-	-	0.1% (3)	0.0% (1)	0.0% (4)
Pekerjaan yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan	-	-	0.0% (1)	-	0.0% (1)
Pekerjaan yang ditawarkan tidak berkaitan dengan bidang pengajian	-	-	0.0% (2)	0.0% (2)	0.0% (4)
Gaji yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan	-	-	0.0% (2)	0.0% (1)	0.0% (3)

n= Jumlah responden

6.10 Alasan Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian bagi Graduan TVET 2020

- Majoriti graduan TVET 2020 yang belum bekerja bagi setiap bidang pengajian menyatakan bahawa mereka sedang mencari pekerjaan, iaitu antara 63.2 peratus hingga 86.0 peratus.
- Jumlah graduan TVET 2020 yang belum bekerja menunjukkan minat untuk melanjutkan pengajian adalah seramai 693 graduan. Dari jumlah tersebut, bidang yang mempunyai peratusan tertinggi adalah 58.6 peratus (406 graduan) bagi bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan diikuti 17.0 peratus (118 graduan) bagi bidang sains sosial, perniagaan & perundangan.

Jadual 6d

Alasan Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian bagi Graduan TVET 2020

Alasan belum bekerja	Pendidikan (n= 131)	Sastera dan kemanusiaan (n= 270)	Sains sosial, perniagaan dan perundangan (n= 994)	Sains, matematik dan komputer (n= 563)	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (n= 5,804)	Pertanian dan veterinar (n= 422)	Kesihatan dan kebijakan (n= 19)	Perkhidmatan (n= 1,083)	Keseluruhan (n= 9,286)
Sedang mencari pekerjaan	84.0% (110)	66.7% (180)	73.5% (731)	68.4% (385)	65.0% (3,775)	86.0% (363)	63.2% (12)	63.4% (687)	67.2% (6,243)
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	3.1% (4)	6.3% (17)	11.9% (118)	10.7% (60)	7.0% (406)	5.9% (25)	-	5.8% (63)	7.5% (693)
Tanggungjawab terhadap keluarga	5.3% (7)	6.3% (17)	5.8% (58)	5.7% (32)	6.4% (371)	1.9% (8)	15.8% (3)	9.6% (104)	6.5% (600)
Berehat/melancong/bercuti	3.1% (4)	6.3% (17)	3.1% (31)	4.6% (26)	4.8% (276)	2.6% (11)	10.5% (2)	5.1% (55)	4.5% (422)
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	2.3% (3)	5.6% (15)	1.0% (10)	1.6% (9)	5.1% (297)	1.7% (7)	-	2.2% (24)	3.9% (365)
Memilih untuk tidak bekerja	-	0.7% (2)	1.7% (17)	1.2% (7)	3.0% (177)	0.7% (3)	5.3% (1)	3.0% (32)	2.6% (239)
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	0.8% (1)	3.7% (10)	0.8% (8)	2.0% (11)	2.0% (116)	0.7% (3)	-	3.6% (39)	2.0% (188)
Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	-	0.7% (2)	1.2% (12)	2.0% (11)	1.7% (100)	-	5.3% (1)	2.7% (29)	1.7% (155)
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	-	1.5% (4)	0.3% (3)	1.2% (7)	1.6% (95)	-	-	1.2% (13)	1.3% (122)
Enggan berpindah ke tempat lain	-	-	-	0.4% (2)	1.4% (84)	0.2% (1)	-	0.5% (5)	1.0% (92)

Alasan belum bekerja	Pendidikan (n= 131)	Sastera dan kemanusiaan (n= 270)	Sains sosial, perniagaan dan perundangan (n= 994)	Sains, matematik dan komputer (n= 563)	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (n= 5,804)	Pertanian dan veterinar (n= 422)	Kesihatan dan kebajikan (n= 19)	Perkhidmatan (n= 1,083)	Keseluruhan (n= 9,286)
Tidak berminat untuk bekerja	-	1.1% (3)	0.2% (2)	0.4% (2)	0.6% (36)	-	-	0.8% (9)	0.6% (52)
Tidak dibenarkan utk bekerja (undang-undang)	-	-	0.1% (1)	0.9% (5)	0.6% (33)	-	-	1.7% (18)	0.6% (57)
Masalah komunikasi/ <i>softskill</i>	-	0.7% (2)	-	0.5% (3)	0.4% (23)	-	-	0.4% (4)	0.3% (32)
Tamat kontrak	1.5% (2)	0.4% (1)	0.1% (1)	0.2% (1)	0.1% (7)	0.2% (1)	-	0.1% (1)	0.2% (14)
Diberhentikan kerja	-	-	0.1% (1)	0.2% (1)	0.0% (2)	-	-	-	0.0% (4)
Pekerjaan yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan	-	-	-	-	0.0% (1)	-	-	-	0.0% (1)
Pekerjaan yang ditawarkan tidak berkaitan dengan bidang pengajian	-	-	0.1% (1)	-	0.1% (3)	-	-	-	0.0% (4)
Gaji yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan	-	-	-	0.2% (1)	0.0% (2)	-	-	-	0.0% (3)

n= Jumlah responden

6.11 Keperapan Menghadiri Temu Duga Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian

- Majoriti graduan TVET 2020 yang belum bekerja bagi setiap bidang pengajian menyatakan bahawa mereka telah menghadiri temu duga sekurang-kurangnya sekali.
- Sebanyak 15.7 peratus graduan bidang sains, matematik & komputer dan 9.5 peratus graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan menyatakan mereka telah menghadiri lebih daripada lima (5) kali sesi temu duga.

Jadual 6e

Keperapan Menghadiri Temu Duga Graduan TVET 2020 yang Belum Bekerja Mengikut Bidang Pengajian

Kekerapan menghadiri temu duga	Pendidikan (n= 89)	Sastera dan kemanusiaan (n= 143)	Sains sosial, perniagaan dan perundangan (n= 590)	Sains, matematik dan komputer (n= 331)	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (n= 3,109)	Pertanian dan veterinar (n= 175)	Kesihatan dan kebajikan (n= 8)	Perkhidmatan (n= 619)	Keseluruhan (n= 5,063)
1 kali	22.5% (20)	37.8% (54)	32.2% (190)	29.6% (98)	29.6% (920)	39.4% (69)	75.0% (6)	31.8% (197)	30.7% (1,554)
2 kali	36.0% (32)	30.1% (43)	31.9% (188)	26.9% (89)	33.0% (1,027)	36.0% (63)	12.5% (1)	32.0% (198)	32.4% (1,642)
3 kali	22.5% (20)	19.6% (28)	18.1% (107)	19.3% (64)	19.6% (610)	17.7% (31)	12.5% (1)	19.9% (123)	19.4% (984)
4 kali	6.7% (6)	4.9% (7)	6.8% (40)	4.8% (16)	5.6% (175)	2.9% (5)	-	7.4% (46)	5.8% (295)
5 kali	3.4% (3)	1.4% (2)	2.0% (12)	3.6% (12)	2.6% (82)	0.6% (1)	-	2.3% (14)	2.5% (126)
Lebih daripada 5 kali	9.0% (8)	6.3% (9)	9.0% (53)	15.7% (52)	9.5% (294)	3.4% (6)	-	6.6% (41)	9.1% (463)

n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Tidak melibatkan graduan yang Memilih untuk tidak bekerja/ Tidak berminat untuk bekerja/ Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)/ Tidak dibenarkan untuk bekerja (undang-undang), iaitu seramai 503 graduan
- 2) Seramai 3,537 tidak pernah menghadiri temu duga
- 3) Seramai 183 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

BAB 7

KUMPULAN BERFOKUS GRADUAN TVET 2020


- **7.1: GRADUAN USAHAWAN TVET 2020**
- **7.2: GRADUAN OKU TVET 2020 – KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN**

BAB 7.1

GRADUAN USAHAWAN TVET 2020

- Bekerja Sendiri, Majikan dan *Freelance*

Kadar usahawan TVET mengikut jantina



Taburan graduan usahawan TVET mengikut jantina

	2019 (n= 8,526)	2020 (n= 8,707)
(Lelaki)	54.1%	56.6%
(Perempuan)	45.9%	43.4%

Pendapatan bulanan graduan usahawan TVET

Pendapatan bulanan	2019 (n=8,526)	2020 (n=8,707)
RM1,000 & ke bawah	49.9	51.1
RM1,001 – RM2,000	40.5	38.2
RM2,001 – RM3,000	6.5	7.1
RM3,001 – RM4,000	1.2	1.5
RM4,001 – RM5,000	1.0	0.9
RM5,001 – RM10,000	0.7	0.8
Lebih daripada RM10,000	0.3	0.4

Kadar usahawan TVET mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian	2019	2020
Ijazah pertama	9.5	10.3
Diploma lanjutan	5.2	11.8
Diploma	12.8	13.3
Sijil	21.3	27.0

Kadar usahawan TVET mengikut kategori ILKA

ILKA	2019	2020
ILKA KPLB	28.0	33.0
ILKA MOTAC	25.0	32.1
ILKA KKR	-	25.0
ILKAP MAFI	18.5	24.1
ILKBS	14.4	18.5
Kolej komuniti	16.6	18.5
Kolej vokasional	15.6	14.2
Politeknik	11.7	12.8
ILKA KSM	8.4	9.8

Jenis perniagaan (10 tertinggi)

Jenis perniagaan	2019 (n= 8,526)	2020 (n= 8,707)
Perniagaan atas talian (<i>e-business/online</i>)	10.0	13.1
Tukang jahit/butik	13.4	12.6
Bengkel/bengkel membaiki kenderaan	8.8	9.1
Kontraktor binaan/elektrik/paip/dll	8.0	8.6
Pemprosesan & pembuatan makanan	6.7	7.5
Restoran/warung/ <i>food truck</i>	7.9	7.4
Jualan langsung	6.0	5.1
Kedai runcit/pasaraya	4.5	3.4
Pembekalan	3.0	3.2
Pertanian	0.2	3.1

GRADUAN USAHAWAN TVET 2020

Pendedahan awal bidang keusahawanan kepada pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat memberi impak yang begitu besar dalam melahirkan usahawan yang berjaya. Pada tahun 2018 hingga 2020, politeknik dan kolej komuniti telah melahirkan hampir 7,000 usahawan dalam kalangan graduan TVET. Ini dapat menyokong usaha KPT dalam melahirkan lebih ramai *job creator*. Justeru itu, TVET di Malaysia perlu dilihat sebagai pendidikan masa hadapan dalam membentuk set kemahiran bagi graduan untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 serta perubahan teknologi dalam pasaran kerja (Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-7000-usahawan-graduan-tvet-dilahirkan-sejak-2018-noraini-292196>). Bab ini membincangkan maklumat graduan yang menjadi usahawan, merangkumi mereka yang bekerja sendiri, majikan dan *freelance*.

7.1 Graduan Usahawan TVET 2020

7.1.1 Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina

Jadual 7.1a

Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina

ILKA	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan (%)	L	P
ILKA KPLB	10,748	33.0% (3,542)	56.5	43.5
ILKA MOTAC	28	32.1% (9)	66.7	33.3
ILKA KKR	72	25.0% (18)	100.0	-
ILKAP MAFI	395	24.1% (95)	70.5	29.5
Kolej komuniti	4,815	18.5% (889)	47.4	52.6
ILKBS	2,155	18.5% (399)	72.9	27.1
Kolej vokasional	7,779	14.2% (1,101)	60.7	39.3
Politeknik	17,921	12.8% (2,290)	51.7	48.3
ILKA KSM	3,722	9.8% (364)	75.3	24.7
Keseluruhan	47,635	18.3% (8,707)	56.6	43.3

L= Lelaki


P= Perempuan

- Sebanyak 18.3 peratus (8,707 graduan) graduan TVET 2020 memilih menjadi usahawan. Graduan ILKA KPLB mencatat peratus tertinggi, iaitu 33.0 peratus (3,542 graduan), diikuti ILKA MOTAC (32.1%; 9 graduan) dan ILKA KKR (25.0%; 18 graduan).
- Secara umumnya, peratus graduan lelaki yang menjadi usahawan adalah lebih tinggi berbanding perempuan kecuali kolej komuniti.

7.1.2 Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 7.1.1

Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian




n= Jumlah responden bekerja

- Graduan peringkat sijil mencatat peratusan tertinggi menjadi usahawan, iaitu sebanyak 27.0 peratus (4,657 graduan). Ini diikuti dengan peringkat pengajian diploma (13.3%; 4,034 graduan), diploma lanjutan (11.8%; 4 graduan) dan ijazah pertama (10.3%; 12 graduan).

7.1.3 Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 7.1.2

Kadar Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian




- Graduan sastera & kemanusiaan merekodkan peratusan tertinggi sebagai usahawan (27.1%; 575 graduan), diikuti perkhidmatan (24.5%; 1,367 graduan) dan pertanian & veterinar (23.1%; 216 graduan).

7.1.4 Sepuluh (10) Jenis Perniagaan Utama yang Diceburi Graduan Usahawan TVET 2020

- Jenis perniagaan tertinggi yang diceburi oleh graduan usahawan ialah perniagaan dalam talian (*e-business/online*), iaitu sebanyak 13.1 peratus (1,144 graduan), diikuti tukang jahit/butik (12.6%; 1,094 graduan), bengkel/bengkel membaiki kenderaan (9.1%; 796 graduan) serta kontraktor binaan/elektrik/paip/dll (8.6%; 750 graduan).

Carta 7.1.3

Sepuluh (10) Jenis Perniagaan Utama Diceburi Graduan Usahawan TVET 2020



n= Jumlah responden


7.1.5 Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan TVET 2020

- Sumber modal utama bagi graduan usahawan memulakan perniagaan ialah keluarga, iaitu sebanyak 57.3 peratus (4,773 graduan), diikuti pembiayaan sendiri (21.9%; 1,826 graduan), bank komersil (6.8%; 563 graduan) serta rakan kongsi (2.8%; 232 graduan).
- Sumber modal dari agensi dan badan-badan keusahawanan yang lain adalah kecil, iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia (2.2%; 186 graduan), Agro Bank (2.0%; 163 graduan), Baitulmal/Zakat (1.1%; 90 graduan) dan MARA sebanyak 1.0 peratus (84 graduan).

Carta 7.1.4

Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan TVET 2020

n= 8,332




n= Jumlah responden

Nota: Seramai 375 responden tiada maklumat kerana soalan ini tiada dalam SKPG2.0

7.1.6 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020

- Sebanyak 51.1 peratus (4,448 graduan) usahawan memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,000 & ke bawah diikuti RM1,001 – RM1,500 (27.6%; 2,404 graduan) dan RM1,501 – RM2,000 (10.6%; 925 graduan).
- Sebanyak 4.2 peratus graduan memperoleh pendapatan dalam julat RM2,001 – RM2,500, diikuti RM2,501 – RM3,000 (2.8%; 246 graduan) serta RM3,001 – RM4,000 (1.5%; 133 graduan).
- Secara keseluruhannya, peratus graduan usahawan lelaki memperoleh pendapatan bulanan yang lebih tinggi berbanding perempuan, kecuali julat pendapatan RM1,000 & ke bawah.



n= Jumlah responden

7.1.6.1 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Jenis Perniagaan

- Perniagaan tukang jahit/butik, perkhidmatan kecantikan & dandanannya serta pendidikan (pusat tuisyen/taska/tutor/guru mengaji/pusat asuhan kanak-kanak) merekodkan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan RM1,000 dan ke bawah, iaitu masing-masing 76.7, 75.0 dan 69.6 peratus.
- Bagi julat RM1,001 – RM1,500, empat (4) jenis perniagaan yang mencatatkan peratusan tertinggi iaitu bahan api dan pelincir (100%), perundingan/*translator*/*motivator*/penceramah (42.1%), francais (40.2%) dan kedai runcit/pasaraya (39.6%).
- Hanya sebilangan kecil graduan usahawan yang berpendapatan RM3,001 ke atas bagi setiap jenis perniagaan (antara 0.3% hingga 11.1%).

Jadual 7.1b

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Jenis Perniagaan

(%)

Jenis perniagaan	Jumlah responden	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM1,500	RM1,501 – RM2,000	RM2,001 – RM2,500	RM2,501 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 dan ke atas
Tukang jahit/butik	1,094	76.7	14.3	4.6	2.3	0.8	0.5	0.5	0.4
Perkhidmatan kecantikan dan dandan	24	75.0	16.7	-	4.2	4.2	-	-	-
Pendidikan (pusat tuisyen/ taska/tutor/guru mengaji/ pusat asuhan kanak-kanak)	56	69.6	19.6	3.6	3.6	-	1.8	1.8	-
Perniagaan atas talian (e-business/online)	1,144	61.7	20.4	9.0	3.2	2.8	1.0	0.6	1.2
Jualan langsung	448	60.5	22.5	7.8	2.9	2.7	1.1	1.3	1.1
Perubatan/pergigian/ kesihatan	35	60.0	20.0	11.4	2.9	2.9	-	2.9	-
Pertanian	273	58.2	22.7	11.7	4.4	2.6	0.4	-	-
Ternakan haiwan/ pertanian	70	54.3	28.6	7.1	4.3	-	2.9	1.4	1.4
Pemprosesan & pembuatan makanan	655	52.1	30.4	8.9	3.4	2.7	0.9	0.8	0.9
Cybercafe/telekomunikasi	129	50.4	27.1	14.0	2.3	3.1	2.3	0.8	-
Percetakan/pengiklanan/ grafik	155	49.7	27.7	13.5	3.2	1.9	0.6	-	3.2
Restoran/warung/food truck	642	48.4	31.3	8.9	3.6	3.3	2.6	0.9	0.9
Perundingan/translator/ motivator/penceramah	19	47.4	42.1	-	-	10.5	-	-	-
Bengkel/bengkel membaiki kenderaan	796	44.6	32.2	12.9	4.9	1.9	1.4	1.4	0.8
Insurans/takaful/unit trust	57	40.4	15.8	17.5	12.3	8.8	3.5	-	1.8
Kedai runcit/pasaraya	298	39.6	39.6	12.1	4.0	2.3	1.3	0.7	0.3
Pelancongan	42	35.7	33.3	14.3	2.4	9.5	4.8	-	-
Pembekalan	275	33.8	33.1	14.5	8.7	1.8	2.2	1.5	4.4
Perkhidmatan kurier	9	33.3	33.3	-	11.1	11.1	11.1	-	-
Pembangun sistem/ perisian	35	31.4	37.1	20.0	5.7	-	2.9	-	2.9
Francais	102	31.4	40.2	17.6	3.9	3.9	1.0	-	2.0
Hartanah/penyenggaraan/ pengurusan bangunan	56	30.4	37.5	21.4	5.4	1.8	-	-	3.6
Kontraktor binaan/elektrik/ paip/dll	750	29.3	38.0	15.7	6.1	4.4	2.4	1.3	2.7
Pengangkutan dan berkaitan	215	28.4	34.9	17.2	9.3	6.5	1.9	0.9	0.9
Grab food/food panda/ Lalamove	86	25.6	32.6	19.8	11.6	7.0	-	1.2	2.3
Media dan hiburan	2	-	-	50.0	50.0	-	-	-	-
Bahan api dan pelincir	1	-	100	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	1,239	47.1	29.8	10.9	4.1	3.3	2.3	1.3	1.1
Keseluruhan	8,707	51.1	27.6	10.6	4.2	2.8	1.5	0.9	1.2

7.1.6.2 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi

- Tiga (3) sektor ekonomi iaitu pendidikan (69.2%; 99 graduan), diikuti kesenian, hiburan & rekreasi (61.5%; 131 graduan) serta pembuatan (60.3%; 1,101 graduan) mencatatkan peratusan tertinggi graduan berpendapatan bulanan RM 1,000 & ke bawah.
- Sektor ekonomi yang diceburi oleh majoriti graduan usahawan iaitu aktiviti perkhidmatan lain, mencatatkan peratusan tertinggi (53.5%; 2,063 graduan) dengan julat pendapatan RM1,000 & ke bawah.
- Bagi sektor ekonomi selebihnya, graduan usahawan yang berpendapatan RM3,001 & ke atas adalah kecil, iaitu antara 0.6 hingga 11.1 peratus.

Jadual 7.1c

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi	Jumlah responden	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM1,500	RM1,501 – RM2,000	RM2,001 – RM2,500	RM2,501 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 dan ke atas	(%)
Pendidikan	143	69.2	21.0	4.2	0.7	0.7	2.8	0.7	0.7	
Kesenian, hiburan dan rekreasi	213	61.5	20.2	7.5	4.2	2.8	1.9	0.5	1.4	
Pembuatan	1,827	60.3	23.8	7.4	3.9	2.1	0.8	0.9	0.9	
Pertanian, perhutanan dan perikanan	405	57.5	21.7	9.6	5.2	2.5	1.2	1.2	1.0	
Pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib	9	55.6	22.2	11.1	-	-	-	-	11.1	
Aktiviti isi rumah sbg. majikan: mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	670	55.1	28.1	7.8	2.7	1.8	2.4	1.3	0.9	
Aktiviti perkhidmatan lain	2,063	53.5	26.2	10.8	3.5	3.1	1.4	0.6	1.0	
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	126	50.8	27.8	15.1	1.6	2.4	2.4	-	-	
Perlombongan dan pengkuarian	8	50.0	25.0	12.5	12.5	-	-	-	-	
Maklumat dan komunikasi	239	49.8	28.0	11.3	3.3	2.9	2.5	1.3	0.8	
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	718	48.5	30.6	12.1	3.8	1.9	1.4	0.6	1.1	
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	104	48.1	27.9	14.4	7.7	1.0	1.0	-	-	
Aktiviti kewangan dan insurans/ takaful	134	43.3	31.3	11.2	5.2	3.7	1.5	-	3.7	
Aktiviti hartanah	67	43.3	25.4	16.4	4.5	3.0	1.5	1.5	4.5	
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	664	43.2	33.6	11.1	5.1	3.6	1.5	0.8	1.1	
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	60	41.7	31.7	13.3	5.0	1.7	5.0	1.7	-	
Pengangkutan dan penyimpanan	275	36.0	30.9	13.8	8.7	6.5	1.8	1.5	0.7	
Bekalan elektrik, gas, stim dan penyaman udara	492	33.9	34.1	16.1	7.1	5.1	1.2	1.0	1.4	
Pembinaan	367	32.4	34.9	18.3	3.5	2.5	2.7	2.5	3.3	
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	103	32.0	33.0	9.7	7.8	5.8	2.9	1.9	6.8	
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	20	25.0	40.0	5.0	15.0	5.0	10.0	-	-	
Keseluruhan	8,707	51.1	27.6	10.6	4.2	2.8	1.5	0.9	1.2	

BAB 7.2

GRADUAN OKU TVET 2020

- Keluaran dan Maklumat Pekerjaan

Keluaran graduan OKU dan kadar respons



KR

(Lelaki) (Perempuan)


2019 (n= 476) 64.5% 35.5% 80.9%

2020 (n= 429) 63.6% 36.4% 90.0%

Kadar kebolehpasaran graduan OKU mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian	2019	2020
Diploma	90.7%	87.3%
Sijil	84.6%	83.6%

Status pekerjaan dan kadar kebolehpasaran graduan OKU



Taraf pekerjaan graduan OKU

Taraf pekerjaan	2019 (n= 286)	2020 (n= 282)
Pekerja swasta (termasuk NGO)	66.1	62.4
Bekerja dengan keluarga	11.5	13.1
Pekerja kerajaan	1	1.8
Bekerja sendiri	16.4	16.3
Majikan	2.1	3.2
Freelance	2.8	3.2

Pendapatan bulanan graduan OKU

Pendapatan bulanan	2019 (n= 286)	2020 (n= 282)
RM1,000 & ke bawah	39.9	51.1
RM1,001 – RM1,500	44.4	36.9
RM1,501 – RM2,000	9.4	7.4
RM2,001 – RM2,500	4.2	2.8
RM2,501 – RM3,000	1.0	1.1
RM3,001 – RM4,000	0.7	0.4
RM4,001 – RM5,000	0.3	0.4

5 alasan utama belum bekerja graduan OKU TVET

5 alasan belum bekerja	2019 (n= 54)	2020 (n= 61)
Sedang mencari pekerjaan	48.1	47.5
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	20.4	19.7
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	3.7	8.2
Tanggungjawab terhadap keluarga	1.9	6.6
Masalah komunikasi/softskill	5.6	4.9

KR= Kadar respons
N= Jumlah graduan
n= Jumlah responden

GRADUAN OKU TVET 2020


Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak terkecuali dari mendapat penempatan mengikuti program latihan dan kemahiran, bagi melahirkan tenaga kerja terlatih seterusnya memenuhi pasaran pekerjaan negara. Justeru, bab ini akan menyediakan maklumat keluaran graduan TVET tahun 2020 yang berstatus OKU, status pekerjaan serta maklumat pekerjaan mereka seperti taraf pekerjaan, jenis pekerjaan, sektor pekerjaan dan pendapatan bulanan yang diperolehi.

7.2 Graduan OKU TVET 2020

7.2.1 Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina

Carta 7.2.1

Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Kategori ILKA dan Jantina



- Seramai 429 graduan berstatus OKU, iaitu 0.5 peratus dari keseluruhan graduan TVET pada tahun 2020. Kolej komuniti merekodkan bilangan terbesar graduan OKU iaitu seramai 154 graduan diikuti politeknik (133 graduan), ILKA KPLB (111 graduan), ILKA KSM (16 graduan), ILKBS dan kolej vokasional masing-masing seramai 7 graduan.
- Secara keseluruhan, graduan OKU lelaki melebihi perempuan bagi semua kategori ILKA.







N= Jumlah graduan
L= Lelaki
P= Perempuan

7.2.2 Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Graduan peringkat sijil merekodkan peratus tertinggi graduan berstatus OKU iaitu sebanyak 84.1 peratus (361 graduan) dan selebihnya, 15.9 peratus (68 graduan) adalah peringkat diploma.
- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan peratus tertinggi iaitu 40.6 peratus (174 graduan), diikuti bidang perkhidmatan (33.8%; 145 graduan) dan sastera & kemanusiaan (14.5%; 62 graduan).
- Peratus tertinggi graduan yang mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan adalah peringkat diploma, iaitu 61.8 peratus (42 graduan) berbanding 36.6 peratus (132 graduan) di peringkat sijil.
- Graduan TVET OKU peringkat sijil dilihat lebih cenderung mengikuti pengajian dalam bidang perkhidmatan, iaitu sebanyak 39.3 peratus (142 graduan) berbanding bidang lain.

Jadual 7.2a

Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

(%)			
Bidang pengajian	Diploma (N= 68)	Sijil (N= 361)	Keseluruhan (N= 429)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	61.8	36.6	40.6
 Perkhidmatan	4.4	39.3	33.8
 Sastera dan kemanusiaan	2.9	16.6	14.5
 Sains, matematik dan komputer	10.3	5.0	5.8
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	20.6	-	3.3
 Pertanian dan veterinar	-	2.5	2.1


N= Jumlah graduan

7.2.3 Jenis Kecacatan Graduan OKU TVET 2020

- Sebanyak 42.4 peratus graduan TVET yang berstatus OKU 2020 adalah dalam kategori masalah pembelajaran, diikuti 22.6 peratus masalah pendengaran, 18.4 peratus anggota fizikal dan 5.6 peratus masalah penglihatan.

Carta 7.2.2

Jenis Kecacatan Graduan OKU TVET 2020




N= Jumlah graduan

7.2.4 Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020

Carta 7.2.3

Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020



- Sebahagian besar graduan OKU TVET, iaitu 73.1 peratus (282 graduan) adalah bekerja, diikuti melanjutkan pengajian (9.6%), menunggu penempatan pekerjaan (1.3%) dan 0.3 peratus sedang meningkatkan kemahiran.
- Sebanyak 15.8 peratus (61 graduan) OKU TVET masih belum bekerja.

n= Jumlah responden OKU

7.2.4.1 Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan TVET berstatus OKU peringkat sijil mencatat kadar bekerja sebanyak 73.1 peratus semasa kaji selidik dijalankan, manakala 73.0 peratus adalah graduan peringkat diploma.
- Graduan peringkat diploma yang melanjutkan pengajian mencatat peratus tertinggi iaitu sebanyak 11.1 peratus (7 graduan) berbanding 9.3 peratus (30 graduan) bagi graduan peringkat sijil.
- Kadar graduan yang belum bekerja bagi peringkat sijil adalah mengatasi graduan diploma, iaitu masing-masing sebanyak 16.4 (53 graduan) dan 12.7 (8 graduan) peratus.

Jadual 7.2b

Status Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Peringkat Pengajian


Peringkat pengajian	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Diploma	63	73.0	11.1	-	3.2	12.7
Sijil	323	73.1	9.3	0.3	0.9	16.4
Keseluruhan	386	73.1	9.6	0.3	1.3	15.8

(%)

7.2.5 Taraf Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020

Carta 7.2.4

Taraf Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020



n= Jumlah responden

- Majoriti graduan TVET 2020 yang berstatus OKU (62.4%; 176 graduan) merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti bekerja dengan keluarga (13.1%; 37 graduan) dan pekerja kerajaan (1.8%; 5 graduan)
- Sebanyak 22.7 peratus memilih menjadi usahawan (bekerja sendiri/freelance dan sebagai majikan).


7.2.6 Sektor Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020

- Majoriti graduan OKU TVET (75.7%; 137 graduan) bekerja dalam sektor swasta tempatan, manakala 12.7 peratus (23 graduan) bekerja dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
- Ini diikuti dengan graduan yang bekerja dalam sektor swasta multinasional (8.8%; 16 graduan) dan sektor kerajaan persekutuan (1.7%; 3 graduan).
- Lain-lain sektor pekerjaan seperti badan berkanun dan kerajaan negeri/tempatan menyumbang peratusan yang sangat kecil iaitu masing-masing 0.6 peratus sahaja.

Carta 7.2.5

Sektor Pekerjaan Graduan OKU TVET 2020

n= 181



n= Jumlah responden


Nota: Merangkumi graduan OKU pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

7.2.7 Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020

- Sebanyak 51.1 peratus (144 graduan) graduan OKU TVET yang bekerja memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM 1,000 & ke bawah.
- Julat pendapatan bulanan kedua tertinggi adalah RM1,001 – RM1,500, iaitu sebanyak 36.9 peratus (104 graduan).
- Julat pendapatan yang melebihi RM1,500 hanya menyumbang peratusan yang kecil, iaitu 7.4 peratus dan ke bawah.

Carta 7.2.6

Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020



7.2.7.1 Pendapatan Bulanan Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Sektor Ekonomi

- Secara keseluruhan, didapati bilangan graduan OKU TVET yang bekerja dalam sektor pembuatan adalah yang tertinggi iaitu 83 graduan, diikuti sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman (62 graduan) serta aktiviti perkhidmatan lain (48 graduan).
- Sebanyak 47.0 peratus (39 graduan) bekerja dalam sektor pembuatan memperoleh pendapatan bulanan antara RM1,001–RM1,500, diikuti 39.8 peratus (33 graduan) yang memperoleh pendapatan RM1,000 dan ke bawah.
- Sebanyak 71.0 peratus (44 graduan) yang bekerja dalam sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman memperoleh pendapatan bulanan RM1,000 dan ke bawah, diikuti RM1,001–RM1,500 (27.4%; 17 graduan) dan 1,501–RM2,000 (1.6%; seorang).
- Bagi kesemua sektor ekonomi, didapati peratus tertinggi graduan OKU TVET adalah berpendapatan bulanan dalam julat RM1000 dan ke bawah kecuali sektor kesenian, hiburan & rekreasi, pembinaan serta perlombongan & pengkuarian. (Jadual 7.2c)

(%)

Sektor ekonomi	n	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001–RM1,500	RM1,501–RM2,000	RM2,001 dan ke atas
Pembuatan	83	39.8	47.0	8.4	4.8
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	62	71.0	27.4	1.6	-
Aktiviti perkhidmatan lain	48	43.8	37.5	10.4	8.3
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	13	38.5	61.5	-	-
Aktiviti isi rumah sbg. majikan: mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	12	66.7	33.3	-	-
Bekalan elektrik, gas, stim dan penyaman udara	11	45.5	27.3	18.2	9.1
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	10	40.0	20.0	30.0	10.0
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	9	66.7	11.1	11.1	11.1
Maklumat dan komunikasi	8	50.0	37.5	12.5	-
Pengangkutan dan penyimpanan	5	40.0	20.0	20.0	-
Kesenian, hiburan dan rekreasi	5	20.0	80.0	-	-
Pertanian, perhutanan dan perikanan	4	75.0	25.0	-	-
Pembinaan	3	33.3	66.7	-	-
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	2	100	-	-	-
Pendidikan	2	100	-	-	-
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	2	100	-	-	-
Aktiviti kewangan dan insurans/ takaful	2	50.0	-	-	50.0
Perlombongan dan Pengkuarian	1	-	100.0	-	-
Keseluruhan	282	51.1	36.9	7.4	4.6







n= Jumlah responden

7.2.8 Kadar Belum Bekerja Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian

- Peratus tertinggi graduan TVET OKU yang belum bekerja adalah dalam bidang sains, matematik & komputer (29.2%; 7 graduan), diikuti bidang sastera & kemanusiaan (23.1%; 12 graduan), bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (21.4%; 3 graduan) serta bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (16.7%; 27 graduan).
- Dua (2) bidang pengajian yang mempunyai kadar graduan belum bekerja terendah adalah pertanian & veterinar serta perkhidmatan iaitu 11.1 peratus dan ke bawah.

Jadual 7.2d

Kadar Belum Bekerja Graduan OKU TVET 2020 Mengikut Bidang Pengajian


Bidang pengajian	Jumlah responden	Kadar belum bekerja
 Sains, matematik dan komputer	24	29.2% (7)
 Sastera dan kemanusiaan	52	23.1% (12)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	14	21.4% (3)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	162	16.7% (27)
 Pertanian dan veterinar	9	11.1% (1)
 Perkhidmatan	125	8.8% (11)

7.2.9 Alasan Belum Bekerja bagi Graduan OKU TVET 2020

- Tiga (3) alasan utama belum bekerja bagi graduan OKU TVET 2020 ialah sedang mencari pekerjaan (47.5%; 29 graduan), sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya (19.7%; 12 graduan) dan kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan (8.2%; 5 graduan).
- Terdapat juga graduan yang memilih untuk tidak bekerja (4.9%; 3 orang) dan tidak berminat untuk bekerja (1.6%; 1 graduan).

Carta 7.2.7

Alasan Belum Bekerja bagi Graduan OKU TVET 2020



BAB 8

KESIMPULAN

KESIMPULAN

8.1 Ulasan

Umum jelas menyedari bahawa kemunculan COVID-19 bukan sahaja telah mencetuskan krisis kesihatan awam negara, malah situasi ini turut memberi kesan secara langsung kepada ketidakstabilan ekonomi dan pasaran buruh di dalam mahupun di luar negara. Susulan kesan penguncupan ekonomi akibat krisis COVID-19, penawaran pekerjaan kian menjadi terhad dan ini turut memberi impak kepada para graduan baharu yang hendak menceburi alam pekerjaan.

Pada tahun 2020, seramai 78,655 graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah dikeluarkan oleh Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) negara. Daripada jumlah tersebut, graduan peringkat diploma adalah 59.7 peratus, sijil (40.0%), ijazah pertama (0.2%) dan diploma lanjutan (0.1%). Mengikut bidang pengajian, kumpulan terbesar adalah graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan yang mewakili 64.2 peratus (50,465 graduan). Bagi graduan peringkat diploma, peratus tertinggi iaitu sebanyak 61.3 peratus (28,772 graduan) adalah juga dari bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, diikuti bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (19.8%; 9,310 graduan), serta sains, matematik & komputer (7.4%; 3,472 graduan). Begitu juga bagi graduan peringkat sijil, peratus tertinggi adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (68.4%; 21,562 graduan), diikuti bidang perkhidmatan (17.7%; 5,588 graduan) serta bidang sastera & kemanusiaan (4.8%; 1,497 graduan).

Kadar kebolehpasaran graduan TVET pada tahun 2020 menurun sebanyak 6.4 peratus, iaitu kepada 87.0 peratus berbanding 93.4 peratus yang dicatatkan pada tahun 2019. Ini merupakan kadar terendah bagi tempoh tiga (3) tahun kajian dijalankan kepada graduan TVET. Namun begitu, graduan kolej komuniti dan politeknik masih mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus bagi tempoh tiga (3) tahun kajian. Berdasarkan negeri bermastautin, terdapat empat (4) negeri mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus iaitu Johor (93.2%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (92.3%), Melaka (91.3%) dan Selangor (91.1%).

Selari dengan penurunan kadar kebolehpasaran graduan, kadar bekerja turut menurun sebanyak 6.5 peratus kepada 66.8 peratus (47,635 graduan) pada tahun 2020 berbanding 73.3 peratus pada tahun 2019. Antara ILKA yang mencatatkan kadar bekerja menghampiri atau melebihi kadar purata (66.8%) adalah kolej komuniti (74.4%), ILKBS (70.2%), politeknik (69.2%) dan kolej vokasional (66.6%). Graduan ILKA KPLB pula lebih cenderung untuk melanjutkan pengajian (19.4%; 3,378 graduan), diikuti graduan politeknik (19.0%; 4,932 graduan) dan kolej komuniti (19.0%; 1,228 graduan).

Manakala kadar belum bekerja pada tahun 2020 ialah sebanyak 13.0 peratus, meningkat sebanyak 6.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini juga merupakan kadar tertinggi sepanjang tempoh tiga (3) tahun kajian. Di antara tahun 2019 dan 2018, kadar belum bekerja turut mencatatkan penurunan sebanyak 4.5 peratus, iaitu daripada 11.1 peratus (2018) kepada 6.6 peratus (2019). Antara ILKA yang mencatatkan kadar belum bekerja yang tinggi pada tahun 2020 adalah graduan ILKAP MAFI (36.3%), ILKA MOTAC (32.8%) dan ILKA KKR (32.0%).

8.2 Isu dan Saranan

8.2.1 Meningkatkan Kadar Kebolehpasaran Graduan

Menjelang tahun 2030, kerajaan menyasarkan peningkatan sebanyak 35.0 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi baharu dalam sektor ekonomi masa hadapan dan 60 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memasuki aliran TVET (Sumber: Utusan Malaysia, 10 November 2021). Ia bertujuan mengurangkan masalah ketidakpadanan kemahiran dan kebergantungan kepada buruh asing dalam sektor pekerjaan negara. Seiring dengan itu, trend bilangan graduan TVET dilihat senantiasa menunjukkan peningkatan khususnya bagi peringkat diploma dan sijil. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan peningkatan dalam persaingan peluang pekerjaan terutamanya bagi graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, bidang sains sosial, perniagaan & perundangan dan perkhidmatan.

Oleh itu, perhatian dan tindakan proaktif perlu diambil bagi menyeimbangkan peluang pekerjaan dengan keluaran graduan yang dihasilkan oleh ILKA. Ini kerana majoriti graduan (86.7%) adalah dari keluarga berpendapatan bulanan RM4,000 & ke bawah yang dikategorikan sebagai golongan B40. Di samping itu, tindakan ini adalah penting bagi menyokong keperluan sektor pekerjaan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, pihak ILKA juga perlu senantiasa proaktif dalam membantu graduan mendapat pekerjaan dan pada yang sama meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan. Antara langkah yang boleh diambil oleh pihak institusi ialah:

- i. Sentiasa mengemas kini maklumat kekosongan pekerjaan dan meningkatkan jaringan dan kolaborasi secara berkesan di antara pihak industri dan pihak ILKA. Kerjasama strategik ini penting dalam mewujudkan piawaian kurikulum yang selaras dengan keperluan industri. Justeru, program yang diwujudkan dapat melahirkan graduan yang benar-benar memenuhi citarasa dan keperluan pihak majikan, tanpa perlu dilatih semula atau diberikan latihan tambahan.
- ii. Menghubungi semula sebarang organisasi atau industri yang telah ada jalinan dan/atau memeterai memorandum persefahaman hubungan bersama ILKA atau pihak berkepentingan untuk mendapat sebarang maklumat pekerjaan. Maklumat tersebut boleh dihebahkan kepada para graduan di media sosial seperti Facebook, kumpulan WhatsApp Alumni dan sebagainya.
- iii. Menyediakan khidmat bimbingan kerjaya atau kaunseling seperti yang dijalankan oleh pihak kolej vokasional di mana ia memainkan peranan penting dalam membantu graduan mendapat tempat bekerja dan menyambung pengajian.
- iv. Melaksanakan program Latihan Industri Berstruktur dengan memfokus kepada sektor ekonomi utama yang memerlukan ramai tenaga kerja. Industri perlu menyediakan peluang latihan berdasarkan kemahiran yang diperlukan kepada pelajar tahun akhir dan sekali gus menawarkan penempatan pekerjaan kepada pelajar terlibat setelah tamat latihan industri.
- v. Mengadakan Program *Career Talk* atau karnival kerjaya secara atas talian untuk memberi pendedahan kepada graduan/pelajar dalam pencarian pekerjaan, serta mengadakan sesi temu duga dengan pihak industri.

8.2.2 Kewajaran Gaji yang Ditawarkan

Setiap tahun, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta telah berjaya melahirkan ramai graduan dari pelbagai bidang. Namun begitu, berdasarkan situasi ekonomi masa kini, peluang melanjutkan pengajian di menara gading dan tamat pengajian dengan jayanya berserta keputusan yang cemerlang bukan lagi jaminan utama untuk mengubah nasib keluarga dan kehidupan diri. Peluang para graduan memperoleh pekerjaan yang bergaji setimpal dengan kelulusan yang dimiliki dilihat semakin sukar. Situasi ini turut menyumbang kepada peningkatan jumlah siswazah yang menganggur, selain mereka terpaksa menceburi pekerjaan yang tidak setaraf atau sepadan dengan bidang pengajian, serta dibayar gaji atau imbuhan tidak setimpal dengan kelulusan dimiliki.

Hasil Kajian Pengesanan Graduan TVET tahun 2020, sebanyak 46.7 peratus memperoleh pendapatan bulanan di antara RM1,001 – RM1,500, diikuti kumpulan gaji RM1,501 – RM2,000 (22.4%), dan RM1,000 & ke bawah (21.1%). Laporan Survei Gaji dan Upah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah merekodkan penurunan gaji dan upah pada tahun 2020 sejak kajian ini dijalankan bermula tahun 2010. Purata gaji dan upah bulanan siswazah bagi pekerjaan utama sepenuh masa atau setaraf telah menurun 10.6 peratus berbanding tahun 2019 kepada RM4,489 (2019: RM5,020). Pemegang ijazah menerima purata gaji dan upah sebanyak RM5,471 sebulan pada 2020, menurun sebanyak 9.1 peratus berbanding 2019, manakala pemegang diploma menerima purata gaji sebanyak RM3,311, menyusut 11.5 peratus bagi tempoh yang sama. Dapat dilihat bahawa kategori pekerja mahir merekodkan pengurangan terbesar sebanyak 8.0 peratus kepada RM5,316 sementara kategori pekerja separuh mahir menerima RM2,418, berkurang sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun 2019.

Justeru, bagi memastikan graduan TVET mempunyai nilai tambah, kementerian yang terlibat disarankan sentiasa membuat semakan dan penjajaran program pengajian dari semasa ke semasa agar pelajar bersedia memasuki dunia pekerjaan, serta program TVET turut dilengkapi dengan sijil pengiktirafan serta pentauliahkan profesional daripada badan serta agensi yang diperakui. Selain itu, pihak institusi TVET dan kerajaan juga perlu menyusun strategi yang bersesuaian mengikut keperluan norma baharu dengan menjalankan program atau kursus yang dapat meningkatkan kemahiran terkini seperti kemahiran grafik, keusahawanan dan sebagainya.

8.3 Inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan

Pasca pandemik telah menyaksikan penguncupan ekonomi yang menyebabkan pengurangan tawaran pekerjaan yang mendadak, peningkatan pengangguran serta kehilangan pekerjaan. Ini menyukarkan dan memberi tekanan untuk mendapatkan terutamanya kepada graduan baharu dalam mendapatkan pekerjaan. Selaras dengan situasi ini, bagi membantu para graduan mencari pekerjaan, KPT telah mewujudkan suatu inisiatif dengan membangunkan sistem sokongan bersepadu yang dikenali sebagai Portal GREaT. Portal ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti memaparkan maklumat pekerjaan, latihan industri dan perantisan serta bantuan sedia ada boleh dicapai dengan mudah. Melalui portal ini juga, industri dapat mencapai maklumat graduan dan menawarkan tawaran pekerjaan kepada graduan yang berkelayakan.

Selain itu, kerajaan turut menawarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 dan PRIHATIN Tambahan 2020 bagi menangani impak krisis COVID-19 kepada rakyat. Bagaimanapun, bantuan yang diumumkan itu masih pada tahap minimum dalam kalangan golongan belia, terutama graduan baharu yang bakal menempuh pasaran buruh yang lebih mencabar pada masa akan datang. Cadangan dasar yang memfokus kepada belia dan graduan baharu adalah perlu bagi membantu golongan ini menghadapi kesan semasa dan pasca pandemik. Antaranya ialah melalui perluasan program latihan pekerjaan atau perantisan bagi peningkatan kemahiran (upskilling), latihan semula (reskilling) dan silang kemahiran (cross-skilling).

